

Samudera

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

ROYAL MALAYSIAN NAVY



BIL 1 - MAC/APRIL 2003 | ISSN 0127-6700

27 April
Hari Ulang Tahun
TLDM ke-69

Ilmu dan kualiti untuk berjaya

LEGENDARY IMPECCABLE MARINE DEFENCE LOGISTICS SERVICES



Estd: 1946



BRANCH OFFICES

Malaysia : Penang
Lumut
Port Klang
Indonesia : Bali
Singapore
Brunei D. S.

• DEFENCE CONTRACTORS • NAVY AGENTS • YOKOHAMA FENDERS • TUGS & BARGES • SHIP OWNERS • TANKERS

**A COMPANY BUILT ON YEARS OF
PERSONAL SERVICE AND EXPERIENCE**



Estd: 1946

GLENN MARINE GROUP (SEA) SDN BHD (528589-T)

Suite 13A-05, Menara PJ, AMCORP Trade Centre,
No. 18, Jalan Persiaran Barat, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 603-7954-6296 / 7954-6297 / 7957-8180 • Fax: 60-7954-6298
Email: glennmy@po.jaring.my • Website: www.glennmarinegroup.com

KANDUNGAN

- 5** DYMM Sultan Selangor dianugerah
Kepten Yang Dipertua TLDM
- 6** Tentera Laut Diraja Malaysia:
69 Tahun Di Samudera Raya
- 8** EKS-KERISMAS 23/2003
- 10** Sejenak Bersama...
Lt Kdr (Kehormat) Ahmad Ramli
bin Kardi PSSTLDM
- 12** Kekurangan Bukan Melayu
Di Dalam TLDM
- 18** Maritime Security Challenges
of Tomorrow
- 26** BAKAT (L) Jaga Kebajikan Isteri
dan Keluarga Warga TLDM
- 28** Galley Samudera: SCONE KD JEBAT
- 30** Armada: KD JEBAT
- 36** Cerpen Pilihan: Sebab Nila Setitik...

HAK MILIK

**PUSAT SUMBER MARITIM DAN
SEJARAH (PUSMAS) TLDM**



No. Rujuk / Tarikh Terima



5



6



8



10



12



28



30



Ahoy!

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Bersyukur kita ke hadirat Illahi kerana dengan izinnya keluaran sulung majalah **Samudera** yang bermula tahun ini dapat diterbitkan dan dilancarkan serentak dengan sambutan Hari TLDM ke-69 pada 27 April 2003. Di kesempatan ini juga izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Yang Berbahagia Penaung majalah **Samudera** kerana telah memberi sepenuh kepercayaan kepada saya untuk menerajui barisan Sidang Redaksi seterusnya meletakkan matlamat untuk menjadikan **Samudera** sebagai majalah berinformatif sejajar dengan tema Hari TLDM iaitu **Ilmu dan Kualiti untuk Berjaya**. Penghargaan dan tahniah wajar diberikan kepada sidang redaksi yang telah bertungkus-lumus bagi memastikan penerbitan majalah ini berjalan lancar serta memenuhi konsep dan imej baru yang ingin diketengahkan.

Pasti ada di kalangan pembaca yang bertanya-tanya tentang Majalah Berita **Samudera** yang telah sekian lama menjadi lidah rasmi TLDM. Hakikatnya **Samudera** ialah sebagai kesinambungan kepada Majalah Berita **Samudera** yang telah melalui berbagai perubahan dari segi konsep kandungan, rekabentuk dan penampilan. Perubahan yang dilakukan bertujuan untuk menambah baik kualiti penerbitannya di samping menjadikan ia lebih menarik sebagai bahan bacaan berinformatif dan bermutu untuk semua golongan pembaca termasuk sekolah dan institusi pengajian tinggi. Majalah ini juga adalah simbol kematangan Majalah Berita **Samudera** yang telah diterbitkan semula pada tahun 1995 dan telah berjaya mencapai matlamatnya dalam memupuk budaya membaca, menulis dan berfikir secara kreatif dan kritis di kalangan warga TLDM.

Sesuai dengan imej baru yang cuba diketengahkan, **Samudera** lebih berkonsepkan *majalah kita* di mana tumpuan lebih diberikan kepada semua peringkat warga TLDM dan pasukan simpanan. Majalah **Samudera** ini pada amnya akan lebih fokus kepada artikel-artikel *value added* serta mempromosikan TLDM sekaligus menjadikan majalah **Samudera** sebagai *benchmark* dalam penerbitan majalah tentera.

Kepada seluruh warga TLDM termasuk warga pasukan simpanan dan juga masyarakat umum kami mengalu-alukan sumbangan karya kreatif anda untuk memenuhi ruangan **Samudera**. Jangan saudara atau saudari risaukan tentang format atau bahasa, apa yang penting sumbangan anda. Penghantaran artikel serta gambar boleh dihantar terus kepada sidang redaksi di Markas Tentera Laut atau wakil setiap pangkalan. Penghantaran juga boleh dimajukan melalui pos atau e-mel ke alamat samudera@mod.gov.my. Karya yang berjaya tersiar di setiap keluaran **Samudera** akan diberikan imbuhan. Di harap cara ini akan dapat menarik minat dan menggalakkan warga TLDM untuk berkarya dan menceburi dunia penulisan.

Sesungguhnya, sebagai warga TLDM kita harus berbangga kerana dengan adanya majalah **Samudera** ini dapat dijadikan sebagai saluran untuk kita mencurahkan idea bernas untuk kebaikan perkhidmatan yang kita sayangi. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang yang telah menjayakan penerbitan **Samudera** secara langsung atau tidak langsung. Karya anda merupakan input utama kami di dalam mencapai objektif yang dihasratkan. Sekian.

Selamat Berkarya dan Sedia Berkorban

Ketua Pengarang

Samudera

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG/PENASIHAT:

YBhg. Laksdya Datuk Mohd Anwar bin Mohd Nor

KETUA PENGARANG:

Kept Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin TLDM

PENGARANG:

Lt Kdr Fadhil bin Abdul Rahman TLDM

Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

Hamdan Hj Abu (Perajurit)

WARTAWAN:

BK RDP Jemain bin Parmin

BK PBS (I) Sabaruddin bin Abbas

LK 1 KNA Hallimahton Sa'adiah bt Kamsani

LK 1 KNA Iswardi bin Rashidi

LK 1 KNA Che Alang bin Che Latif

WAKIL LUMUT:

Lt Karimah bt Awi TLDM

LK 1 RGR Normahally bt Mohd Nor

Wakil MAWILLA 1:

Lt Kamaruzaman bin Ahmad TLDM

Wakil MAWILLA 2:

Lt Marhanim bt Che Mohd Salleh TLDM

Wakil PULAREK:

Kdr Mohd Yusri bin Hj Mohd Yunus TLDM

Lt Shamsul Amery bin Zainuddin TLDM

GAMBAR EHSAN:

PR KEMANTAH

PR MTL

PR FOC

PR KD PELANDOK

DIREKABENTUK OLEH:

Inai Damai Sdn Bhd,

(Azan Media Group),

20.02, Tingkat 20, Bangunan MAA,

No. 12, Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2142 2452, 03-2145 5278

Faks: 03-2145 5279

Samudera diterbitkan sebanyak empat kali setahun (Mac, Jun, September dan Disember) oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. Editorial Samudera dibuat secara usahasama dengan Inai Damai Sdn Bhd, iaitu penerbit Majalah **PERAJURIT**. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman.

Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada:

Pengarang Samudera,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.
Tel: 03-2071 3165/3218
Faks: 03-2692 7677

E-mel: samudera@mod.gov.my

senjata kecil ke jenis meriam sederhana 40mm dan meriam lebih besar jenis 4.5 inci. Bermula tahun 1971, TLDM telah melangkah maju dengan perolehan sistem persenjataan canggih seperti misil permukaan ke udara (Seacat) dan seterusnya mulai tahun 1979, sistem misil permukaan ke permukaan (Exocet MM38).

Sistem persenjataan yang digunakan terus dipertingkatkan dari masa ke masa di mana pada masa ini sistem persenjataan 3 dimensi dari pelbagai jenis seperti misil permukaan ke permukaan yang berkeupayaan menjangkau jarak melebihi 110 km (Exocet MM40 dan Otomat), misil anti pesawat jarak sederhana (Seawolf dan Aspide), torpedo Whitehead A244S dan periuk api laut telahpun berada di dalam inventori persenjataannya. Semua senjata ini disokong oleh sistem persenjataan berkomputer terkini dan keupayaannya sentiasa diuji melalui berbagai eksesis yang dilaksanakan. Di samping itu juga TLDM telah melangkah ke alam peperangan elektronik, penerbangan helikopter dan yang terkini ialah pengoperasian angkatan kapal selam.

Keanggotaan dan Latihan

Pada keseluruhannya pengisian dan keanggotaan TLDM ketika ini berada pada tahap 85 peratus. Usaha untuk mencapai sasaran kekuatan 15,000 menjelang tahun 2010 sedang dilaksanakan dengan strategi pengambilan dan promosi kerjaya yang lebih agresif.

Rekrut-rekrut TLDM dilatih di Pusat Latihan Rekrut (PULAREK), Johor manakala para pegawai baru dilatih di KD PELANDOK di Lumut. Di samping itu, untuk meningkatkan kemahiran dan mutu perkhidmatan anggota dan pegawai, terdapat pelbagai kursus kerjaya dan kepakaran yang diatitkan khusus untuk warga TLDM. Bagi kursus kerjaya, ia dilaksanakan di Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD), KD PELANDOK merangkumi kursus asas, pertengahan dan lanjutan. Manakala bagi kursus kepakaran, sebahagiannya dilaksanakan di KTLD manakala sebahagian kepakaran lagi dilakukan di luar negara melalui *bilateral agreement* dengan negara seperti Amerika Syarikat, Australia, India, Pakistan, United Kingdom dan New Zealand.

Seperti sedia maklum, pemilikan peralatan yang canggih dan paling moden tidak boleh dijadikan sandaran sekiranya tiada anggota terlatih yang benar-benar mahir mengendalikannya. Sejajar dengan itu, TLDM sentiasa peka dan perihatin bahawa sumber manusianya adalah merupakan aset yang paling bernilai dalam TLDM. Oleh itu TLDM

sedang mengambil beberapa pendekatan yang positif ke arah pembangunan sumber manusia yang lebih efektif serta efisien. Untuk itu, TLDM sentiasa menghantar pegawai dan anggotanya mengikuti kursus-kursus yang bersesuaian bagi memastikan mereka benar-benar mahir dan mampu mengendalikan serta menyenggara setiap peralatan dengan berkesan.

Peranan TLDM

Malaysia mempunyai kawasan maritim yang luas di mana Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) meliputi kawasan perairan seluas 598,450 km persegi. Manakala keluasan kawasan Perairan Wilayah (*Territorial Waters*) pula ialah 148,307 km persegi. Ini bermakna kawasan maritim yang perlu sentiasa diawasi sangat luas.

Justeru, peranan utama TLDM sebagai agensi pertahanan maritim utama ialah mempertahankan kepentingan maritim negara daripada segala jenis ancaman luar mahupun dalaman yang boleh menjejaskan keselamatan negara. Kepentingan maritim negara yang mesti dipertahankan merangkumi:

- Kedaulatan negara dan integriti wilayah.
- Keselamatan nyawa dan harta benda.

Manakala peranan sekunder TLDM meliputi pelaksanaan tugas-tugas sampingan dan bantuan seperti penguatkuasaan undang-undang maritim di kawasan ZEE dan membantu pelaksanaan tugas dan operasi Tentera Darat, Tentera Udara Diraja Malaysia dan agensi awam sewaktu aman dan perang.

Rancangan Pembangunan

Pemodenan TLDM terus berjalan sebagaimana dirancang seiring dengan cabaran-cabaran semasa yang perlu dihadapinya. Antara rancangan pembangunan infrastruktur yang akan dilaksanakan dalam jangka terdekat ialah pembinaan Markas Wilayah Laut (MAWILLA) 3 di Tanjung Gerak, Langkawi, MAWILLA 4 di Sejingkat, Sarawak dan juga pemindahan MAWILLA 2 dari Labuan ke Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu Sabah yang juga akan merupakan Pangkalan Kapal Selam TLDM. Bagi meningkatkan pencapaian akademik, sebuah Akademi Tentera Laut bagi melatih pegawai-pegawai TLDM dan menjalani kursus kepakaran juga dirancang untuk dibangunkan.

Di samping itu, bagi melengkapkan keupayaan udara TLDM atau *Naval Aviation*, kerajaan telah bersetuju untuk membina sebuah Pangkalan Udara TLDM berhampiran pangkalan utama TLDM, Lumut. Pangkalan ini amat penting kepada TLDM untuk pengoperasian helikopter dan juga pesawat

jenis *fixed wing* yang dirancang akan dimiliki oleh TLDM tidak lama lagi. Pesawat ini akan digunakan untuk kerja-kerja pemantauan maritim negara serta rondaan di ZEE. Usaha juga sedang giat dilakukan untuk menambah aset TLDM seperti perolehan 27 buah kapal ronda PV, 2 buah kapal selam, 6 pesawat SUPER LYNX, 6 pesawat FENNEC dan beberapa buah bot tempur.

Cabaran

Cabaran utama yang dihadapi TLDM ialah menyediakan sebuah angkatan laut yang berwibawa dan mapan yang mampu mendokong misi TLDM iaitu **"Menyediakan dan mengatur gerak angkatan laut untuk melindungi kepentingan maritim Malaysia semasa aman dan memastikan kemenangan semasa perang"**. TLDM perlu meneruskan usaha untuk meningkatkan keupayaannya terutama dalam perolehan aset baru dan senggaraan aset sedia ada. Dalam hal ini, TLDM perlu bijak mengoptimumkan bajet yang diperuntukkan.

Cabaran lain yang dihadapi oleh TLDM ialah mengawal kegiatan jenayah antarabangsa di kawasan maritim negara. Sehubungan dengan itu, TLDM amat mengalu-alukan cadangan penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) kerana dengan wujudnya kelak TLDM akan dapat menumpukan sepenuh usaha kepada tugas terasnya bagi mempertahankan keselamatan dan kedaulatan maritim negara.

Selain dari itu, TLDM juga perlu sentiasa berusaha untuk memiliki sumber manusia yang berkualiti selain mengekalkan profesionalisme warganya supaya mereka sentiasa mengamalkan budaya kerja berkualiti dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Jika dibandingkan jumlah aset yang ada dengan keluasan kawasan yang perlu diawasi, sangat jelas ia jauh dari mencukupi. Dalam konteks ini, TLDM perlu meneruskan usaha untuk menambah aset yang diperlukan sesuai dengan kemampuan negara. Dalam masa yang sama TLDM juga perlu merancang dengan teliti berlandaskan keutamaan dalam mengatur gerak aset yang ada untuk memastikan kepentingan maritim Malaysia sentiasa terjamin. Konsep yang berteraskan *optimization of resources* atau mengoptimumkan sumber sedia ada serta fokus kepada kualiti dan bukan kuantiti adalah merupakan faktor kejayaan kritikal TLDM dalam mengharungi cabaran seterusnya. **S**

EKS-KERISMAS 23/2003:**KESIAGAAN ARMADA TERUS MANTAP**

Oleh: PR FOC RMN

Berteraskan K-Navy bagi memastikan kemandapan dan kesiagaan armada, buat julung kalinya ekseksais menggunakan Video/Audio Tele Conferencing (VCT) sebagai alat komunikasi utama bagi melicinkan lagi pelaksanaan ekseksais.

Laut China Selatan sekali lagi menjadi medan percaturan misi Eks-KERISMAS bagi siri 23/2003. Ekseksais kali ini lebih tertumpu di Kepulauan Gugusan Semarang Peninjau (GSP) yang suatu ketika dahulu menjadi rebutan oleh beberapa buah negara. Justeru, ia dilaksanakan dengan menitikberatkan aspek perintah dan kawal bagi menilai keupayaan Markas Wilayah Laut (MAWILLA) 1 dan 2 di dalam pelaksanaan operasi maritim berdasarkan senario yang telah dirancang.

Ekseksais ini merupakan siri latihan tahunan terbesar bagi Armada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan ia melibatkan kapal-kapal dan pangkalan-pangkalan TLDM yang turut disertai oleh pesawat udara dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Ia berlangsung selama tiga minggu bermula pada 10 Mac dan berakhir dengan jayanya pada 31 Mac 2003.

Perasmian ekseksais kali ini telah disempurnakan oleh YBhg Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Ramly bin Abu Bakar melalui sidang video di Markas Tentera Laut. Perasmian tersebut

disaksikan serentak oleh kesemua markas pemerintahannya iaitu Markas Armada TLDM, MAWILLA 1 dan MAWILLA 2, manakala Upacara Penutup Ekseksais telah dilakukan di Kota Kinabalu, Sabah dan disempurnakan dengan rasminya oleh YBhg Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Ilyas bin Hj Din.

Berteraskan K-Navy bagi memastikan kemandapan dan kesiagaan armada sejajar dengan perkembangan ICT, buat julung kalinya ekseksais menggunakan Video/Audio Tele Conferencing (VCT) sebagai alat komunikasi utama bagi melicinkan lagi pelaksanaan ekseksais.

Eks-KERISMAS 23/2003 menyaksikan Panglima Armada bertindak sebagai *Officer Scheduling Ekseksais* (OSE) atau penggerak utama manakala Ketua Staf Markas Armada, Laksamana Pertama Mohd Rashid Harun selaku Direktur Ekseksais, Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Pertama Datuk Abd Aziz bin Hj Jaafar sebagai Panglima Angkatan Tugas 58 (*Commander Task Force* (CTF) 58) dan Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Pertama Mohd Amdan bin Kurish sebagai Panglima Angkatan Tugas 47 (CTF 47).

Pelaksanaan ekseksais kali ini lebih kepada menilai dan menguji ketahanan atau *Sustainability* Armada TLDM dalam melaksanakan operasi maritim bagi menepati objektif yang telah dikenalpasti. Antara objektif ekseksais adalah bagi meningkatkan keupayaan Tim Pemerintah dalam peperangan maritim yang menjurus kepada serangan tiga dimensi iaitu peperangan udara, peperangan paras permukaan dan peperangan bawah permukaan di samping meningkatkan keupayaan, kerjasama dan persefahaman warga kapal,

unit bantuan dan pangkalan dalam semua evolusi yang dilaksanakan.

Eksesais kali ini juga bertujuan bagi memantapkan persefahaman dan interoperabiliti di antara aset TLDM dan TUDM dalam pertahanan maritim serta menilai keberkesanan pertahanan kapal dari serangan pelbagai dimensi termasuk peperangan bawah permukaan, udara dan MCM.

Selaras dengan itu, ekseseais ini dijalankan melalui tujuh fasa iaitu:

- **Fasa Alfa:** Fasa persiapan yang bermula dari 6 Mac hingga 9 Mac.
- **Fasa 1:** Ia meliputi Upacara Pelancaran Pembukaan Eks-KERISMAS, taklimat ekseseais sepanjang tempoh 10 Mac hingga 14 Mac.
- **Fasa 2:** Fasa *Force Integration Training (FIT)* ini berlaku di laut iaitu dari 15 Mac hingga 19 Mac. Senario yang boleh dilihat dalam fasa ini ialah kapal-kapal meninggalkan pangkalan TLDM Kuantan dan Labuan pada awal pagi 15 Mac. Fasa ini mempunyai matlamat untuk menentukan unsur-unsur terlibat bersedia dalam semua aspek terutama integrasi latihan bagi persediaan menghadapi Fasa *Period of Tension (POT)* dan *Armed Conflict (AC)*. Pada pengakhiran fasa ini, unsur-unsur melaksanakan ulang bekal, taklimat selesai latihan atau *Hot Wash-Up* untuk Fasa 2 dan juga taklimat bagi menghadapi Fasa 3 dan Fasa 4.
- **Fasa 3:** Fasa ini dinamakan *Period of Tension (POT)* yang berlangsung dari 20 Mac hingga 25 Mac. Fasa ini bermula di perairan Kuantan dan Labuan dan ia menggabungkan aktiviti latihan di peringkat operasi dan taktikal. Angkatan Tugas melaksanakan operasi masing-masing mengikut perancangan yang telah ditetapkan bagi mempertahankan kepentingan masing-masing. Angkatan Biru dan Angkatan Merah akan berinteraksi berpandukan *Rules of Engagement (ROE)* melalui maklumat perisikan dari tahap ketegangan sehingga bermulanya konflik bersenjata (AC).
- **Fasa 4:** Fasa konflik bersenjata berlangsung dari 26 hingga 27 Mac. Fasa ini menyaksikan peperangan bermula di mana Angkatan Biru mempertahankan Gugusan Semarang Peninjau sementara Angkatan Merah pula berusaha menawan kepulauan tersebut.
- **Fasa 5:** Merangkumi *Hot Wash-Up* untuk Fasa 3 dan Fasa 4, *Post Exercise De-brief (PXD)* dan Upacara Penutup Ekseseais yang disempurnakan pada 31 Mac. Kesemua acara ini berlangsung di atas kapal KD MAHAWANGSA di Kota Kinabalu. Aktiviti riadah berbentuk sukan (untuk merebut Piala KERISMAS) dan sosial (Malam Akrab) diadakan pula pada 29 dan 30 Mac di mana semua peserta ekseseais (setiap lapisan anggota TLDM/TUDM) mengambil bahagian. Ini bertujuan bagi mengeratkan lagi

hubungan silaturahim.

- **Fasa Bravo:** Merupakan fasa *Post Exercise Report (PXD)* yang berlangsung dari 1 hingga 4 April. Fasa ini adalah untuk menyiapkan Laporan Ekseseais agar kelemahan yang terdapat dalam ekseseais ini dikenalpasti untuk dijadikan iktibar dan panduan untuk menjayakan ekseseais yang akan datang.

Pelbagai latihan telah dijalankan sepanjang ekseseais ini bagi merealisasikan objektif yang dirancang. Latihan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- **Evolusi Peperangan**
- **Ilmu Kelautan**
- **Operasi Penerbangan**
- **Pertahanan Udara**
- **Peperangan Elektronik**
- **Penembakan Sasaran Permukaan**
- **Operasi Khas oleh PASKAL**



Peluru berpandu anti pesawat 'Seawolf' dilancar dari KD LEKIU ke arah sasaran.

Sebanyak 27 buah kapal TLDM dengan 2,249 anggota dan 17 Pesawat TUDM (1,000 anggota) terlibat di dalam latihan ini selain penglibatan dan sokongan oleh kesemua pangkalan TLDM. Secara keseluruhannya, ekseseais utama yang dilaksanakan oleh TLDM telah membabitkan kerjasama dua perkhidmatan yang secara tidak langsung dapat menilai sejauh mana keberkesanan dan keupayaan aset yang dimiliki kedua-dua perkhidmatan bagi melaksanakan operasi maritim demi mempertahankan kepentingan maritim negara.

Ekseseais seumpama ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran kepada umum bahawa keselamatan perairan negara sentiasa dipantau dan berada di dalam keadaan terkawal. Ia juga bersih daripada anasir-anasir yang tidak diingini sekaligus membuktikan bahawa kesiagaan Armada terus mantap sepanjang masa. **S**



Sejenak Bersama...

LT KDR (KEHORMAT) AHMAD RAMLI KARDI PSSTLDM

Personaliti pilihan majalah SAMUDERA kali ini merupakan Juruiring kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Leftenan Komander (Kehormat) Ahmad Ramli bin Kardi PSSTLDM. Beliau yang telah bersara dari perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah dilantik

oleh Panglima Tentera Laut (PTL) pada tahun 1999 untuk memikul tugas sebagai Juruiring Tentera (*Aide de Corp*) kepada DYMM Sultan Selangor. Seiring dengan perlantikan itu, beliau telah dianugerahkan pangkat Leftenan Komander (Kehormat) Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM).

Menyingskap kembali permulaan kerjaya yang diceburi, Lt Kdr Ahmad Ramli menceritakan bahawa beliau dulu merupakan seorang anggota tentera Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Cawangan Kelasi berkepakaran Radar Plotter (RDP) yang telah mendapat latihan awal di Pusat Latihan Rekrut Woodlands, Singapura pada 1 Julai 1973. KD SRI LANGKAWI merupakan kapal pertama beliau ditugaskan. Beliau yang menginginkan cabaran baru dalam ketenteraan telah menunjukkan minatnya dengan menyertai pasukan Komando pada 1978 seterusnya mengikuti Kursus Asas Komando di Woodlands dan latihan 'Komando Hutan' di Indonesia. Berbekalkan minat yang mendalam inilah beliau memulakan cabaran kerjayanya sebagai seorang anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL) TLDM.

Pelbagai rintangan dan halangan ditempuh semasa menjalani latihan 'Komando Hutan' di Indonesia, latihan inilah yang akan melayakkan dirinya digelar PASKAL atau *Navy Seal*. Sepanjang berada di dalam pasukan elit TLDM, beliau merasakan perlu bagi dirinya untuk memperkayakan lagi pengetahuan dengan melanjutkan pelajaran.

Hasratnya tercapai apabila pada tahun 1982 beliau telah mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan terus ditawarkan untuk menjalani latihan pegawai kadet, di Pangkalan TLDM Lumut. Dengan itu, bermulalah kerjaya baru beliau sebagai seorang pegawai tentera laut yang ditauliahkan dengan pangkat

Leftenan Muda pada 1985.

Sebagai seorang pegawai TLDM, Lt Kdr Ahmad Ramli pernah bertugas di kapal-kapal TLDM seperti KD SRI INDERA SAKTI sebagai Pegawai Geladak, Pegawai Navigasi di KD PANAH dan Pegawai Memerintah KD DUYUNG. Pada tahun 1989, Ramli telah ditugaskan semula di PASKAL untuk mengetuai Skuadron 'Charlie'. Di dalam PASKAL beliau telah berpeluang mengikuti berbagai kursus kepakaran khas seperti Kursus Ketua Kompeni di Pusat Latihan Darat (PULADA), Payung Terjun Bebas di Pusat Latihan Peperangan Khas, Sungai Udang, Perenang Tempur di Lumut, *Navy Seal* dan *Naval Gun Fire Support* di Amerika Syarikat dan pelbagai kursus khas yang lain.

Personaliti SAMUDERA kali ini juga mempunyai minat mendalam dalam sukan payung terjun. Beliau berjaya menubuhkan Persatuan Payung Terjun TLDM pada 1996 yang dikenali sebagai *The Flying Frog* (TFF). Keanggotaan awal TFF seramai 8 orang kini telah meningkat kepada jumlah yang di luar jangkaan. Hasil kepimpinan dan kesungguhannya, TFF telah menyertai pelbagai pertandingan dan

pertunjukan di peringkat kebangsaan hingga beliau diundang untuk menyertai misi penerjunan merbahaya di Kutub Utara pada 1998. Dengan berbekalkan slogan 'Malaysia Boleh', misi penerjunan ini telah berjaya mengharumkan nama TLDM dan negara di mata dunia.

Pada Disember 1999, beliau sekali lagi dipilih untuk membuat penerjunan di Kutub Selatan sempena misi Penerjunan Alaf Baru. Misi kali ini telah menjulang nama Malaysia sekali lagi kerana berjaya membuat penerjunan di Patriot Hill, Antartika.

Di sebalik jadual tugas yang sibuk, Lt Kdr Ahmad Ramli kini menerajui sebuah kelab payung terjun yang dinamakan Kelab Sukan Payung Terjun Selangor. Kelab ini disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat dan kini aktif di sekitar Lembah Klang. Sebagai seorang yang telah meniti liku-liku kehidupan tiga dunia berbeza iaitu dari seorang anggota LLP kepada

kerjaya sebagai pegawai tentera dan kini sebagai pegawai istana, beliau amat berterima kasih kepada TLDM. Beliau juga menjunjung jutaan kasih kepada DYMM Sultan Selangor yang telah memberi peluang kepadanya untuk meneruskan aktiviti penerjunan serta memberi keizinan membawa Kelab Sukan Payung Terjun Selangor ke pertandingan kebangsaan pada setiap tahun. "Kejayaan hari ini bermula dari kepayahan semalam" katanya sebagai mengakhiri bicara. **S**



Kini sebagai ADC DYMM Sultan Selangor



Kenangan semasa membuat terjunan di Kutub Utara

SEKOLAH TUN FATIMAH MENYERLAH

Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (PKBM) Laut, Sekolah Tun Fatimah (STF), Johor Baharu telah ditubuhkan pada Februari 1987 dengan keanggotaan 29 orang pelajar. Pelbagai persatuan telah ditubuhkan di sekolah ini untuk kegiatan ko-kurikulum pelajar-pelajar ketika itu. Antaranya, Kadet Polis, Kadet Remaja Sekolah (KRS), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Puteri Islam dan lain-lain.

Setelah sekian lama persatuan ini bergiat aktif di STF, PKBM (L) menjadi semakin popular di sekolah ini kerana pelbagai aktiviti mencabar dan menarik sentiasa disusun sepanjang tahun. Latihan dan perancangan dilaksanakan bersama oleh Pusat Latihan Rekrut TLDM (PULAREK) dan STF.

Persatuan ini menjadi aktif kerana mendapat sokongan penuh daripada TLDM dengan bantuan jurulatih PULAREK dan guru penyelar PKBM (L).

Silibus PKBM (L) disusun khusus oleh TLDM untuk melahirkan generasi muda yang berdisiplin dan

dedikasi serta mengenali serba sedikit tentang tentera laut. Mata Pelajaran yang diajar seperti peranan dan tugas TLDM, budaya tentera laut, kawad, ilmu kelautan, pencegahan kebakaran dan lain-lain. Persatuan ini juga diberi peluang belayar bersama kapal-kapal TLDM ke destinasi yang tertentu untuk latihan di laut. TLDM berharap agar latihan-latihan yang diberikan dapat meningkatkan tahap disiplin serta keyakinan pelajar di samping menanam minat tunas muda

terhadap kerjaya tentera laut.

Pengambilan untuk PKBM (L) dilakukan sekali setiap tahun dan terbuka kepada semua pelajar tingkatan empat dengan kekuatan maksimum 30 pelajar. Aktiviti PKBM (L) dijalankan setiap hari Sabtu sepertimana persatuan lain. Apa yang membanggakan, PKBM (L) menjadi persatuan tumpuan dan popular dikalangan pelajar STF.

Menurut pelajar yang ditemui, Filzah Nazira Hamzah, 17, berpendapat persatuan ini dapat membuatkan beliau

mempelajari sesuatu yang baru. Contohnya, cara-cara memadamkan api, ini kerana selama ini anggapannya TLDM hanya belayar di laut sahaja. Ini terbukti dengan modul yang dijalankan semasa aktiviti.

Manakala bagi Hadhinah Ahmad Fuad, 17, pula "PKBM (L) telah memberikan saya satu imej yang baru dalam kehidupan dan personaliti kerana saya tertarik dengan budaya kebersihan dan ketelitian setiap kerja-kerja yang dilakukan dalam tentera laut. Pelbagai aktiviti yang disusun menarik dan mencabar seperti pelajaran *Nuclear Biological and Chemical Defence* (NBCD) memberi manfaat yang berguna kepada saya semasa di sekolah mahupun di masa depan".

Guru penyelar PKBM (L), STF, Cik Nora Awang, 26, menyatakan pengambilan untuk pelajar-pelajar baru tiada masalah kerana PKBM (L) telah terkenal dan menjadi



Cikgu Nora, Penyelar



Latihan memadam kebakaran

kebanggaan kepada pelajar dan guru sekolah di sini. Katanya, "PKBM (L) adalah berlainan daripada persatuan lain kerana mendapat sokongan penuh dari TLDM". "Ini membuatkan saya bersemangat dan berkeyakinan untuk terus membimbing pelajar-pelajar bergiat dalam PKBM (L) di samping mengutamakan ilmu pelajaran" katanya lagi.

Beliau juga berpendapat PKBM (L) dapat menjadikan seseorang pelajar itu lebih kreatif, yakin dan membina personaliti menarik hasil daripada aktiviti yang dijalankan. "Pelajar yang memasuki PKBM (L) harus berfikir terbuka dan menjadikan aktiviti sebagai proses pembelajaran untuk mendisiplinkan diri" tambahnya.

Antara pencapaian terbesar PKBM (L), STF ialah terpilih mewakili negeri Johor dalam Pertandingan Kawad Kaki pada tahun 2001 dan 2002. Pelajar-pelajar yang ditemui menganggap PKBM (L) sebagai persatuan yang dapat membentuk seseorang ahli itu menjadi lebih berdikari selain dapat mempelajari banyak perkara baru. **S**



Hadhinah Ahmad Fuad, 17



Filzah Nazira Hamzah, 17

KEKURANGAN BUKAN MELAYU DALAM TLDM

Oleh: Bahagian Sumber Manusia, MTL

Ternyata dan sememangnya diketahui umum bahawa jumlah bukan Melayu dalam perkhidmatan awam maupun perkhidmatan ketenteraan seperti TLDM adalah pada tahap yang terlalu rendah. Walau bagaimanapun isu ini tidak begitu diperbesarkan kerana dipercayai masalah ini adalah satu fenomena umum yang dihadapi dan dialami oleh hampir semua sektor perkhidmatan awam. Selain itu juga didapati peratusan bukan Melayu dalam perkhidmatan beruniform pada amnya didapati jauh lebih berkurangan dari perkhidmatan awam yang lain. Pelbagai rumusan dan andaian yang telah dipolemikkan terhadap isu ini, namun yang sering diutarakan adalah anak muda bukan Melayu terutamanya yang berbangsa Cina tidak berminat untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam. Isu kurang minat ini biasanya dikaitkan dengan hakikat bahawa gaji sektor awam dan ketenteraan jauh ketinggalan berbanding dengan potensi gaji yang boleh diraih dari sektor swasta. Tambahan pada itu, isu tersebut juga dikaitkan dengan persepsi kaum bukan Melayu tentang kurangnya peluang perkembangan kerjaya dan kenaikan pangkat mereka dalam perkhidmatan awam maupun dalam tentera.

Lanjutan ini, hala tuju dan strategi Sumber Manusia TLDM ketika ini telah menetapkan bahawa masalah ini perlu ditangani secara serius. TLDM ingin menerapkan pendekatan dan amalan *Management of Diversity* di mana keunikan dan kelebihan setiap kaum perlu bagi mempertingkatkan keberkesanan organisasi. Ia juga adalah selaras dengan agenda *Equal Employment Opportunity* yang menjadi teras amalan pengurusan sumber manusia secara universal ketika ini. Bagi menjayakan matlamat ini TLDM bertekad meningkatkan bilangan pegawai dan anggota bukan Melayunya secara signifikan. Kekurangan minat kaum bukan Melayu bagi menyertai perkhidmatan ketenteraan perlu diatasi segera.

Secara keseluruhan, peratus pegawai bukan Melayu dalam TLDM pada akhir 2002 adalah 11.1%. Ini adalah satu peratusan yang amat rendah jika dibanding dengan jumlah 45 % bukan Melayu di Malaysia. Tambahan pada itu, didapati peratusan bukan Melayu dalam golongan Leftenan Komander ke atas adalah 15.3% berbanding dengan pangkat Leftenan ke bawah, iaitu 9.2%. Ini menunjukkan trend bahawa semakin sedikit kalangan bukan Melayu dari generasi muda memasuki TLDM. Implikasinya adalah, dalam 3 hingga 5 tahun yang akan datang, jika trend tersebut kekal, maka peratus pegawai bukan Melayu dalam perkhidmatan TLDM akan jatuh di bawah paras 10%. Perkara ini mungkin

tidak sesuai bagi satu organisasi yang bertanggungjawab terhadap kepentingan keselamatan negara.

Keanggotaan Lain Lain Pangkat (LLP) bukan Melayu pula pada masa ini adalah amat kritikal. Anggota bukan Melayu terdiri dari 7% kekuatan anggota keseluruhan, manakala anggota berbangsa Cina hanya mewakili 0.2% dari kekuatan LLP. Tambahan pada itu, anggota Cina dalam latihan asas ketika ini adalah pada peratusan kurang dari 0.1%, sedangkan kaum Cina secara keseluruhannya mewakili lebih kurang 25% dari pecahan masyarakat Malaysia. Keadaan ini adalah amat serius kerana ia tidak langsung melambangkan masyarakat Malaysia yang majmuk dan berbilang bangsa.

Antara sebab yang sering digunakan oleh kaum bukan Melayu untuk tidak menceburkan diri dalam perkhidmatan ketenteraan adalah di atas isu sistem kuota yang digariskan kerajaan melalui dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya. Mereka berpendapat bahawa kaum bukan Melayu tidak mempunyai masa hadapan yang cerah dalam perkhidmatan dan akan sentiasa ditindas serta dinilai dengan tidak adil berbanding dengan rakan sepekerjaan yang berbangsa Melayu. Isu ini walaupun boleh menjadi sensitif, perlu dibentangkan secara telus bagi mengatasi sebarang prasangka. Isu meritokrasi dan peluang kenaikan pangkat yang lebih saksama serta peluang kerjaya yang lebih menarik dan cerah bagi kaum bukan Melayu perlu diperkemas dan diperbaiki.

Selain itu bagi mengatasi masalah ini, TLDM kini mengorak langkah untuk melaksanakan kajian dan pelan tindak tertentu. Sebagai permulaan TLDM sedang melaksanakan usaha promosi yang lebih giat dan pada masa ini satu kajian persepsi terhadap pelajar juga sedang diusahakan. Dari aspek promosi kerjaya, TLDM telah menjalankan usaha promosi kerjaya secara besar-besaran dengan peruntukan kewangan berjumlah lebih RM300 ribu untuk tahun ini. Trend ini akan dikekalkan seterusnya pada tahun akan datang. Objektif promosi kerjaya ini adalah untuk meningkatkan kualiti calon yang memohon memasuki TLDM dan pada masa sama memperkenalkan perkhidmatan ini sebagai satu opsi karier bagi kaum bukan Melayu. Promosi kerjaya ini telah ditumpukan di kawasan majoriti bukan Melayu seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh selain dari tempat lain seperti di Melaka, Alor Setar dan Johor Bahru.

Tambahan pada itu, usaha promosi dan pengiklanan melalui media



Galakan dan sokongan keluarga juga penting dalam menangani isu ini

cetak bagi tahun ini juga telah dipanjangkan ke media bahasa Inggeris dan Cina, selain dari media Bahasa Melayu yang menjadi media pengantar yang biasa digunakan. Dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini, TLDM telah mempergiatkan promosi dan pengiklanan melalui akhbar seperti Berita Harian, The Star, News Straits Times dan Nanyang Siang Pau. Berbagai artikel dan rencana telah dikeluarkan melalui media ini yang telah memperkenalkan aspek positif dan kelebihan bagi menyertai perkhidmatan TLDM.

Sehingga ini sambutan yang telah diterima dari masyarakat bukan Melayu melalui usaha tersebut adalah amat menggalakkan dan menampakkan bahawa memang terdapat minat di kalangan kaum bukan Melayu untuk menyertai perkhidmatan TLDM. Salah satu kelemahan selama ini yang telah dikenalpasti melalui usaha promosi kerjaya TLDM adalah kurangnya maklumat dan pengetahuan umum tentang kerjaya TLDM. Selain itu proses dan cara untuk memasuki perkhidmatan TLDM juga didapati tidak begitu jelas serta merumitkan pemohon. Masalah tersebut diharap dapat diatasi dengan promosi yang sedang dilaksanakan. Dengan strategi yang teratur serta promosi yang agresif, usaha seterusnya akan disasarkan khas kepada mereka. Sehubungan itu juga proses untuk permohonan masuk akan dikaji sewajarnya agar ia lebih praktikal dan memudahkan pemohon.

Melalui promosi yang diadakan didapati ada juga bukan Melayu yang berminat memasuki perkhidmatan kerana memperoleh peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda dan diploma secara percuma melalui kolej dan akademi yang ditawarkan oleh TLDM. Selain itu terdapat juga mereka yang melihat bidang ketenteraan sebagai satu *launching platform* bagi membolehkan mereka memperoleh pengalaman yang berharga sebelum bertukar ke karier yang lain setelah tamat kontrak perkhidmatan minima 10 tahun yang disyaratkan. Ini satu tanda yang positif di mana TLDM boleh menggunakan asas tersebut untuk usaha promosi akan datang. Tawaran pendidikan yang percuma dan syarat perkhidmatan kontrak selama 10 tahun sememangnya dirangka sedemikian bagi menarik semua, tidak kira Melayu atau bukan Melayu untuk memasuki perkhidmatan. Tempoh kontrak yang dirangkakan akan membolehkan pilihan dibuat oleh mereka yang terlibat samada mahu terus berkhidmat atau menamatkan perkhidmatan untuk seterusnya mencebur diri dalam bidang kerja yang lain. Peraturan dan tawaran tersebut didapati menguntungkan kedua-dua belah pihak yang bergantung kepada kehendak dan keperluan masing-masing.

Walaupun usaha promosi seperti di atas sedang giat dilaksanakan, hasil usaha tersebut belum lagi menghampiri sasaran yang diharapkan. Walau bagaimanapun sambutan yang telah diterima dari golongan bukan Melayu sehingga ini telah memberikan satu gambaran yang positif. Dengan usaha yang berterusan jumlah penglibatan bukan Melayu dipercayai akan dapat dipertingkatkan dalam masa terdekat.

Sehubungan ini juga, satu kajian melalui soal selidik akan dilaksanakan tahun ini bagi mengkaji persepsi dan kehendak pelajar dalam membuat keputusan untuk memilih kerjaya bersesuaian setelah tamat pengajian peringkat menengah. Kajian soal selidik ini akan dijalankan sepanjang tahun dan hasilnya diharap akan diperolehi pada akhir tahun. Adalah dipercayai soal selidik ini akan membantu TLDM untuk lebih memahami corak pemikiran dan persepsi anak muda, terutamanya mereka yang bukan Melayu agar corak promosi dan usaha penyampaian maklumat kepada golongan ini akan dapat lebih menjurus kepada isu dan kehendak mereka sebenar setelah tamat SPM nanti.

Usaha TLDM untuk tahun ini mungkin tidak dapat dilihat keberkesanannya sehingga tahun hadapan. Ini adalah kerana usaha menyeluruh akan dilakukan sepanjang tahun ini dan kesannya secara

nyata akan mengambil masa untuk dilihat. Namun, yang lebih penting adalah proses ini sudahpun digerakkan dan paradigma pemikiran pengurusan tertinggi TLDM sudahpun menjurus ke arah menyelesaikan masalah kekurangan kaum bukan Melayu dalam perkhidmatan TLDM.

Mengambil peluang melalui artikel ini Bahagian Sumber Manusia Markas Tentera Laut ingin menyeru kaum bukan Melayu agar meyahut cabaran negara untuk memasuki TLDM. TLDM kini merupakan satu organisasi yang sedang melalui proses permodenan dengan aset yang canggih dan berteknologi tinggi. TLDM bukan hanya mempunyai kapal perang, malahan juga mempunyai helikopter dan dalam masa terdekat kapal selam serta *fixed wing aircraft* tersendiri. Ini akan menjadikan TLDM sebagai salah satu angkatan laut yang mempunyai kekuatan yang disegani di rantau ini. Dengan kecanggihan aset TLDM dan senario peperangan elektronik yang banyak bergantung kepada kecanggihan teknologi terkini, TLDM memerlukan lebih penglibatan bukan Melayu terutama dalam pelbagai bidang dan kepakaran dalam TLDM untuk bersama-sama berganding bahu bagi memikul tanggungjawab dan amanah negara sebagai perwira dan satria Tentera Laut Diraja Malaysia.

Akhir sekali diharap khalayak umum dan juga anggota bukan Melayu di dalam perkhidmatan diharap dapat menyeru dan memberi galakan kepada kaum keluarga serta sahabat handai untuk berkhidmat dengan TLDM. Secara ringkas berikut adalah keistimewaan yang ditawarkan kepada warga negara yang ingin memasuki TLDM.

Untuk calon Kadet (Syarat kemasukan sama seperti IPTA)

- Menawarkan program Diploma Pengurusan Teknologi, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Sains Nautika, Sains Komputer dan lain-lain lagi.
- Semua program yang dilaksanakan adalah percuma dan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan merangkumi:

- Rawatan perubatan
- Makan dan tempat tinggal
- Elaun bulanan RM750.00
- Pakaian seragam
- Kenderaan
- Sukan dan riadah

Untuk Lain-Lain Pangkat (Syarat kemasukan tamat SPM/SPMV)

- Menawarkan pelbagai kursus di peringkat diploma dan sijil.
- Semua program yang dilaksanakan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan, merangkumi semua kemudahan berikut:

- Rawatan perubatan
- Makan dan tempat tinggal
- Elaun Bulanan RM407.50
- Pakaian seragam
- Kenderaan
- Sukan dan riadah

Selain itu pegawai dan anggota yang sedang berkhidmat akan berpeluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di dalam maupun di luar negara. Berbagai-bagai elaun pula akan diberikan sesuai peringkat dan kepakaran masing-masing. TLDM selain itu juga merupakan satu organisasi profesional yang telah terbukti dengan pelbagai anugerah yang telah dimenangi dari anugerah Perdana Menteri hinggalah ke anugerah di peringkat negeri. Dengan itu sertailah TLDM untuk mengalami satu pengalaman yang baru dan menarik. Untuk keterangan lanjut tentang peluang dan kerjaya dalam TLDM layari <http://maf.mod.gov.my> atau hubungi nombor 03-20713732/6876. **S**

PELANCARAN PERSIJILAN MS ISO 9001:2000

Oleh: PR FOC RMN

Sejak 1987, *standard ISO* merupakan pengiktirafan global yang dijadikan asas kepada amalan sistem pengurusan berkualiti. Penganugerahan ISO juga diaplikasikan kepada pelbagai proses dalam pendekatan standard untuk menjamin kualiti bagi produk dan perkhidmatan yang diterima di seluruh dunia dan tidak terkecuali di dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Bagi tujuan ini, TLDM telah memilih organisasi-organisasi yang terlibat di dalam pengkhususan pengurusan latihan bagi mencapai pengiktirafan ini. Bermula dengan Markas Pendidikan dan Latihan TLDM, kini Cawangan Latihan Penyesuaian Laut Markas Armada pula menyusul yang akan diikuti oleh PUSTAKMAR dan Pusat Selam TLDM tidak lama lagi. Markas Armada tidak ketinggalan untuk turut sama memulakan langkah bagi mendapatkan pengiktirafan sebegini kerana ianya akan mencerminkan pengurusan yang efisien dan meningkatkan prestasi organisasi.

Sehubungan itu, satu majlis Pelancaran Persijilan MS ISO 9001:2000 telah diadakan pada 10 Januari lalu bertempat di perkarangan Markas Armada. Upacara pelancarannya telah disempurnakan oleh YBhg Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Ilyas bin Hj Din. Beliau telah melepaskan belon gergasi ke udara sebagai simbolik pelancaran. Belon tersebut akan kekal di ruang udara Markas Armada sehinggalah markas ini berjaya memperolehi pengiktirafan tersebut.



Ucapan Pelancaran Persijilan MS ISO 9001 : 2000 oleh Panglima Armada

Majlis yang penuh gilang-gemilang itu turut disaksikan oleh semua pegawai dan anggota di bawah naungan formasi Markas Armada.

Idea untuk mendapatkan persijilan tersebut telah disuarakan oleh Dato' Ilyas pada tahun 2002 sesuai dengan sifat beliau yang sentiasa berusaha untuk melaksanakan proses penambahbaikan mutu sesebuah organisasi secara berterusan.

Cawangan Latihan Penyesuaian Laut (LPL) dipilih untuk memulakan proses ini kerana ia terlibat secara langsung dengan latihan. LPL yang selama ini telah dipertanggungjawabkan untuk melatih warga Armada TLDM dalam meningkatkan kesiagaan operasi kapal telah dapat berfungsi dengan berkesan. Mempunyai tenaga kerja yang mahir dan profesional, cawangan ini sememangnya layak diberi pengiktirafan. Selain itu ia bertujuan untuk membina strategi dalam menjana satu sistem yang mempunyai struktur organisasi, prosedur proses dan sumber-sumber sesuai untuk melaksanakan pengurusan latihan berkualiti.

Kronologi kepada pelaksanaan persijilan ini bermula pada 25 Januari 2002 di mana LPL telah dicadangkan untuk merangka proses persijilan MS ISO 9001:2000. Kemudiannya pada 6 Mac 2002 seramai sembilan orang pegawai telah dilantik untuk menganggotai Tim Kajian Persijilan. Pada 13 April 2002, Skop Pendaftaran dan permohonan Pakar Perunding telah dimajukan ke Markas Tentera Laut. Pelantikan pakar perunding telah diatitkan oleh Inspektorat Jeneral (IJ) TLDM pada 8 Jun 2002.

Markas Armada kemudiannya memajukan permohonan Persijilan MS ISO 9001:2000 oleh SIRIM kepada IJ TLDM dan seterusnya dimajukan kepada MAMPU untuk kelulusan pada

3 Julai 2002. Pada 15 Julai 2002 pula, pelantikan Jawatankuasa Pemandu dan Penyelaras melalui Memo Sementara Panglima Armada 31/2002 telah diadakan dan bermula Ogos 2002 hingga sekarang ceramah dan latihan berkaitan MS ISO 9001:2000 dan penyediaan dokumentasi persijilan telah dilaksanakan.

Sehingga hari ini pihak markas telah dapat memenuhi keperluan *milestone*

yang melibatkan penyediaan manual kualiti, prosedur dan arahan kerja serta dokumen sokongan. Ini jelas mencerminkan keupayaan anggota TLDM dalam memenuhi keperluan ke arah merealisasikan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2000.

Jawatankuasa Pemandu ISO serta Jawatankuasa Penyelarasnya terus berusaha dalam proses penilaian dan persijilan melalui Audit Sistem (*Adequancy*

Audit) pada 17 Januari 2003, Audit Kualiti dalaman pada Februari 2003, Penilaian Pengurusan pada bulan Mac 2003 dan Audit Kepatuhan (*Compliance Audit*) oleh SIRIM pada April 2003.

Dengan Pelancaran MS ISO 9001:2000 Markas Armada diyakini akan terus mengorak langkah untuk mencapai kecemerlangan serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan sistematik kepada Armada TLDM - **S**

Panglima Tentera Laut Kunjungi TYT YDP Negeri Sarawak

YBhg Panglima Tentera Laut (PTL), Laksamana Datuk Mohd Ramly bin Abu Bakar telah mengadakan lawatan singkat ke Kuching Sarawak pada 16 Januari 2003 kerana melakukan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Yang Dipertua (TYT YDP) Negeri Sarawak, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Mohammad Salahuddin. Turut mengiringi PTL semasa kunjungan tersebut ialah Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Pertama Datuk Abdul Aziz bin Haji Jaafar dan Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching, Lt Kdr Frederick Guan TLDM. Lawatan ini merupakan lawatan yang pertama beliau ke Sarawak semenjak mengambilalih tugas sebagai Panglima Tentera Laut pada Ogos 2002 yang lalu.

Dalam pertemuan yang singkat itu beberapa perkara telah dibincangkan bersama termasuk mengenai pembangunan serta kemajuan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada masa depan. Di samping itu, PTL memaklumkan bahawa TLDM pada ketika ini sedang di dalam proses untuk membina sebuah lagi pangkalan TLDM di kawasan Sejingkat, Sarawak. Dengan terbinanya pangkalan itu nanti TLDM akan menambahkan lagi bilangan anggota yang dapat berkhidmat di Malaysia Timur. Namun begitu ia masih bergantung kepada kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pertahanan.

- **S Oleh : LK KNA Ali, PWTL KUCHING**



Pertemuan bersejarah



Mengabadi kenangan bersama TYT YDP Negeri Sarawak

MARITIME SECURITY CHALLENGES OF TOMORROW

By: Capt Ahmad Kamarulzaman bin Ahmad Badaruddin RMN

Introduction

There are not many things in today's ever-changing world that have not change and one of them certainly is man's reliance upon the sea. Man has and will continue to depend upon the sea for food, transport, mineral, energy and the fundamental communication of peoples and commerce. In fact, the increasingly interconnected world of tomorrow may be more reliant on the sea than ever. Maritime security, therefore, will be critical for our future survival and economy.

The term "maritime security" which can be defined in the classical military sense as protection of a nation should now be broadened. Traditionally, it includes security from hostile at seas, be it military or pirate. Now it should also include safety of life and property at sea. Drug trafficking at sea can also be a threat to the nation's security, as is maritime trafficking in human beings. Finally, maritime security can be broadly defined in a national security context to include the protection of all of the nation's interests on the seas. Following the September 11th incident, threat from terrorism also has been addressed in the maritime environment by the United States (US).

Effectively, the force of globalization has and will continue to change the security environment. Some conventional threats will remain and other new ones will emerge. Despite all these changes many of the maritime security challenges of tomorrow will still have to be addressed at sea. This means that we need to have the resources, assets, and supporting infrastructure required to meet these threats and challenges. We must not just look at the capabilities and threats posed by foreign navies, but on the forces and events that will shape the future

maritime security environment.

A variety of factors, many beyond the scope of the maritime arena, will have a substantial effect on future maritime security. These forces of primary importance will be global economic change, the growing importance of non-state actors, technological development, and the emergence of information warfare or information operations. Understanding and awareness on such



Piracy and illegal immigrant will continue to be a threat to maritime security.

forces will facilitate a more effective and efficient strategies that may need to be considered to mitigate such challenges.

Global Economic Forces and Migration

The continued disparity and uncertainties in the global economy will continue, as evidenced by the Asian financial crisis and the recent dip in 2003 global economic outlook. The growing evidence of economic rift between developed nations and developing nations is widening. This potentially growing inequity undoubtedly will lead to tensions and instability. People of less develop

nations therefore will continue to seek wealth away from their homeland and may trigger political instability, and increase of illegal migrants. It is more serious in countries such as the US as compared to Malaysia. As we have seen, increased population of illegal immigrant becomes a security concern when the effects of such growth will cause social and also political tensions. The movement of people between countries is driven by the interaction of two forces, the negative reality of life at home and the perception that a better life exists elsewhere. The gap or disparities between the haves and the have-nots will continue to be widened.

Non-state Actors

Non-state actors including the media, Non-Governmental Organizations (NGOs) will challenge the sovereignty of the state. While the state will still play the predominant role in the international political system, national security will be affected by interactions between state and non-state actors. The media, multinational corporations, and NGOs constitute the three major types of non-state actors that are able to exert impact on international relations because of their ability to exert pressure on governments. Another type of non-state actor that may have great impact in the maritime sphere is the environmental activist group like the Green Peace.

Today, non-state actors also include organized criminal groups, pirates and terrorists which will continue to pose serious challenge to the security of nations. These types of actors may use violence for economic or political gain. Piracies has been a standing security challenge, but following the September 11th incident in the US, threat from

terrorist organizations has heightened and the scope has widened to include maritime targets. Closer to home, the Filipino Abu Sayaff Group have conducted multiple maritime terrorist attacks, as well as piracy acts for fundraising purposes at the expense of economic lost from tourism industry in Sabah. The scenario of Al-Qaeda terrorist activities expanding to cruise line and shipping industry as their target of opportunity should not be disregarded since the impact is devastating and costly.

Enforcement and International Cooperation

Not many of us realize that confusion over the proper legal definition of piracy is itself hindering potential international cooperation; the UN definition is concerned with international waters while the shipping industry definition covers all waters. This lack of a common definition slows down the creation of international agreements designed to combat piracy.

International Maritime Bureau's (IMB) defined piracy as ".... the act of boarding any vessel with the intent to commit theft or other crime and the capability to use force in the furtherance of the act." Even though this definition is used merely for the purpose of statistical analysis, it provides a negative impression to countries in the South East Asia including Malaysia and Indonesia where reports on such incidents are higher. UN definition on the other hand is "Any illegal acts of violence or detention or any act of depredation committed for private ends by the crew or the passengers of a private ship or a private aircraft and directed on the high seas against another ship or aircraft or against persons or property onboard such ship or aircraft or against a ship, aircraft, persons, or property in a place outside the jurisdiction of any state". To make matter more complicated, even though the 1982 UN Convention on the Law of the Sea (UNCLOS) is the guiding

global authority on maritime activities, the US has not acceded to it.

Technology

While countries like the US continue to be the biggest beneficiaries of future technological advancements including their applications in the maritime arena, other nations and non-state actors will be able to acquire the same capabilities. This can be achieved through a variety of avenues, including offset and technology transfers programmes, arms sales, illegal arms transfers, and of commercially available, "off-the-shelf" technologies. All these positive development has also negative implications that will continue to present a challenge to maritime forces.

Adversaries will be more likely to engage in asymmetric warfare to circumvent or undermine strengths while exploiting vulnerabilities. We have seen



New security measures such as CSI will have US customs officers in Malaysian ports

how US technological advancement easily be defeated by a simple dingy and a home-made bomb as demonstrated by the USS Cole incident in Yemen in October 2000. Asymmetric concepts of the future by an adversary to defeat a stronger opponent can only be limited by the imagination.

Information Operations

With the growing availability of vital information in electronic form, the future security threat to information and technology infrastructures will increase exponentially. Key functions of maritime operations, such as navigation, communications, and maritime surveillance, have always had a significant information technology component. The increasing dependence of maritime

security and law enforcement on information makes the information itself a high-payoff target for adversaries, whether state-sponsored or not. At the same time, the availability of sophisticated but affordable sensor and communications systems will enhance the capabilities of smugglers, terrorists, pirates, and others.

Continued Destabilizing Events

With the war on Iraq, we can continue to expect destabilizing events through the years to come, and which will cause or exacerbate instability, include the broad spectrum of warfare around the world from asymmetric through large-scale regional, catastrophic natural disasters. Malaysia is lucky to have no major problems from natural disasters. Littorals frequently are subjected to natural disasters including, but not limited to, hurricanes, typhoons, cyclones, floods, and tsunamis. In addition to these threats, possible future scenarios such as the Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) epidemics spreading through shipping industry impacting national security all appear to be well within the realm of possibility of a wider maritime security challenges. In addition to

being destabilizing, any of these types of events could have a profound impact on maritime security.

Conclusion

Understanding all these challenges of the future that impact on maritime security as a subset of our national security will effectively helps us to be aware of what is to be expected and be proactive in our approach. This awareness and increased sense of security will be critical for our continued survival and future development. In short, we need to be prepared in all aspects for the unexpected by ensuring resources, assets are available and policies as well as structure are tailored to mitigate the future maritime challenges. **S**



Foto: Syed Kamarul Surhan

HOKI GELADAK

JOM MAIN HOKI ATAS KAPAL...!?

Hoki Geladak mula diperkenalkan kepada Tentera Laut Diraja Malaysia pada tahun 1934 oleh Tentera Laut Diraja British. Namun hanya pada tahun 1989 undang-undang sukan ini diwujudkan bagi menyeragamkan peraturan permainan.

Oleh: PR FOC RMN

Bermain hoki di atas kapal? Mungkin pelik kepada ramai orang tetapi tidak jika kita melihat anak-anak kapal melakukannya terutama ketika di dalam pelayaran.

Agak lucu jika difikirkan, bagaimana permainan ini boleh dilakukan di atas kapal yang sedang terumbang-ambing bergerak di lautan yang dipukul gelombang! Itulah permainan hoki geladak. Menariknya, sukan ini juga boleh dimainkan di mana-mana kawasan, asalkan bersimen. Pendek kata, di mana ada kawasan bersimen, di situlah permainan ini boleh dimainkan!

Sukan hoki geladak merupakan permainan tradisi tentera laut seluruh dunia. Seperti dikatakan, di kalangan umum ia mungkin agak asing namun di kalangan tentera laut, sukan ini sudah begitu sinonim dan masih popular hingga kini. Permainan ini mempunyai sedikit kelainan dibandingkan dengan permainan hoki biasa. Dari segi pengendalian, peraturan sehinggalah kepada peralatan yang digunakan, sukan ini nampak agak sukar namun cukup menyeronokkan lebih-lebih lagi kepada mereka yang pernah merasainya dan dapat pula menguasai permainan dengan baik.

Permainan hoki geladak biasanya dilakukan di atas geladak kapal (*deck*) ketika kapal di dalam pelayaran. Mungkin disebabkan faktor peralatan seperti kayu (*stick*) yang berlainan dan bola (*puck*) yang diperbuat daripada tali manila, ia tidak

boleh dimainkan di atas padang kerana ia memerlukan kawasan yang rata.

Menyingkap sejarah hoki geladak, ia mula diperkenalkan kepada TLDM pada tahun 1934 oleh Tentera Laut Diraja British. Namun hanya pada 1989 undang-undangnya digubal atau diwujudkan bagi menyelaraskan dan memperseimbangkan permainan serta mengelakkan kesulitan.

Seperti permainan-permainan lain, hoki geladak juga mempunyai undang-undang tertentu yang mesti dipatuhi. Ia penting agar tidak timbul percanggahan disebabkan peraturannya sering dipinda atau diubahsuai mengikut citarasa sendiri. Ia juga diselaraskan bagi memastikan permainan tradisi ini tetap unggul sepertimana ketika ia mula diperkenalkan.

Secara ringkas, undang-undang dan peraturan permainan ini adalah seperti berikut:

Gelanggang

- Lebar gelanggang tidak kurang 38 kaki dan tidak melebihi 48 kaki.
- Panjang gelanggang tidak kurang 75 kaki dan tidak melebihi 85 kaki.
- Kedudukan tanda pukul mula mestilah di tengah gelanggang dan ukuran diameternya ialah 6 inci.

Tiang Gol

- Tinggi tiang gol ialah 3 kaki.
- Panjang palang gol - 6 kaki 3 inci.
- Tiang dan palang boleh diperbuat

daripada kayu, besi, *fiber glass* atau bahan yang bersesuaian. Tiang atau palang jenis bulat tidak melebihi 0.039 meter (1 1/2 inci) berbentuk empat segi sama tidak melebihi 0.05 m (2 inci).

- Jaring gol boleh diperbuat daripada kawat dawai, jaring jut atau bahan yang bersesuaian. Keluasan dalam gol tidak kurang 2 1/2 kaki dan tidak melebihi 3 kaki.

Pemain dan Masa Permainan

- Setiap pasukan dianggotai oleh 6 orang pemain termasuk seorang penjaga gol.
- 2 penyerang, 1 pemain tengah, 2 pemain pertahanan dan 1 penjaga gol. Kesemua pemain boleh menjaringkan gol ke pihak lawan kecuali penjaga gol.
- Tempoh permainan ialah 20 minit iaitu 10 minit bagi setiap separuh masa dengan 2 minit masa rehat. Jika berlaku seri, masa tambahan (*Sudden Death*) selama 10 minit di berikan. Jika masih lagi seri pukulan penalti 3 kali dilakukan dan seterusnya secara *sudden death*.

Pemain Gantian

- Hanya 2 orang pemain gantian dibenarkan sepanjang perlawanan.
- Pemain yang ditukarkan tidak boleh bermain semula dalam perlawanan itu kecuali pemain yang direhatkan oleh pengadil.

- Gantian hanya dilakukan semasa bola tidak dalam permainan dan terlebih dahulu mendapat kebenaran dari pengadil rasmi dan pengadil pertandingan.

Peralatan Pemain

- Jersey lengan pendek/panjang.
- Seluar pendek/track suit.
- Topeng Muka (Face Mask)
- Sarung tangan.
- Pelindung badan (Body Pack)
- Puck (Bola).
- Stick (Kayu Hoki Geladak)

Kedudukan dan Tatacara

Penjaga Gol:

- Penjaga gol mestilah sentiasa berada dalam posisi 'duduk melutut' yang mana lutut kiri atau kanan mestilah sentiasa di lantai (gelanggang). Kedudukan ini mestilah kekal semasa memegang, menangkap dan menahan puck. Duduk di sebelah punggung dibenarkan tetapi sebelah paha mesti berkeadaan rata di lantai.
- Penjaga Gol mesti memegang stick sepanjang masa. Jika kayu dilepaskan, pengadil akan memberikan penalti kepada pihak lawan.
- Penjaga gol tidak boleh menangkap bola di luar kawasan gol. Kesalahan ini akan menyebabkan penalti diberikan kepada pihak lawan.
- Bola di dalam kawasan gol tidak boleh dipukul oleh pihak penyerang. Jika penyerang memukul pengadil hendaklah memberi amaran.
- Penjaga gol boleh memukul atau menarik puck ke kawasan golnya tetapi tidak boleh dicangkuk pada lubang puck. Pukulan percuma diberikan jika kesalahan ini dilakukan.
- Penjaga gol yang memegang puck melepasi garisan gol adalah dikira gol atau jaringan kepada pihak lawan.

Jaringan Gol:

- Jaringan gol dikira apabila puck melepasi garisan gol di antara 2 tiang gol di bawah palang gol sama

ada dipukul oleh pihak lawan atau pihak sendiri dari luar kawasan gol semasa puck dalam permainan. Jaringan juga dikira jika disengajakan oleh penjaga gol.

- Jaringan tidak dikira dari buangan ke dalam tanpa sentuhan dari mana-mana pemain kedua-dua pasukan.

Pegawai Pertandingan:

- Seorang pengadil rasmi.
- 2 orang pengadil pertandingan.
- Seorang penjaga masa.

Undian:

Undian dilakukan oleh pengadil utama dengan melambung duit syiling hanya untuk menentukan gelanggang sahaja kerana permulaan dilakukan secara *bully*.

Permulaan Permainan Bully:

- *Bully* dilakukan semasa permainan dimulakan.
- Ketika kesalahan dilakukan bersama oleh kedua-dua pasukan.
- Ketika pengadil memberhentikan (gangguan) permainan tanpa berlaku sebarang kesalahan.

Perkara Batal, Hukuman atau Amaran:

- Perkara Batal
 - Kesalahan melakukan *bully*.
 - Memukul bola dengan bahaya.
 - Menghalang, melanggar, menolak dan sebagainya terhadap pemain lawan tanpa puck atau semasa merebut puck dari pihak lawan.
 - Menahan puck yang tinggi di udara menggunakan kayu dan kayu juga dihayun melepasi pusat.
 - Bola mengenai kaki hingga ke paras pusat sama ada sengaja atau tidak.
 - Memegang puck di bawah paras bahu.
 - Mencangkuk bahagian lubang puck.
 - Memukul puck di dalam kawasan gol lawan.
 - Menghalang pukulan

percuma dalam jarak kurang dari 3 kaki dari puck.

Isyarat Pengadil:

- Arah pukulan setelah kesalahan dilakukan.
- Teruskan permainan.
- Bully*.
- Kesalahan - tunjukkan pada tempat kejadian.
- Kena kaki.
- Pukul atau cepat pukul.
- Puck keluar - tunjuk pada garisan.
- Penalti.
- Amaran atau berikan kad amaran

Sebenarnya terdapat beberapa peraturan dan undang-undang lengkap permainan ini yang boleh dirujuk sebagai panduan. Artikel ini hanya mengutarakan sebahagian sahaja sebagai pengenalan kepada umum.

Sehingga kini permainan hoki geladak masih menjadi sukan pilihan TLDM sebagai salah satu aktiviti riadah selain menjadikannya acara sampingan dalam sukan-sukan yang dianjurkan. Dilihat dari segi popularitinya yang setanding dengan jenis-jenis sukan yang lain, Hoki Geladak berupaya menarik minat ramai di samping memartabatkannya sebagai acara atau sukan utama dalam TLDM. **S**





REGATTA RAJA MUDA

Pertandingan Perahu Layar

Oleh: LK I TLS Rizan (PA MPL)

Lt Abd Malik mewakili pelayar TLDM menerima hadiah daripada Sultan Selangor

Bulan Ramadan tidak menjadi halangan kepada umat Islam untuk menjalankan tugas seharian dan juga aktiviti riadah. Walaupun sedang menjalani ibadat puasa namun semangat yang tinggi dan jitu dalam diri tidak menghalang perjuangan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang menyertai pertandingan Regatta Raja Muda Selangor 2002 bermula pada 15 November dan berakhir 25 November di Royal Langkawi Yacht Club.

Pelayaran yang bermula dari Pelabuhan Klang telah disempurnakan oleh Raja Muda Selangor, Yang Amat Mulia Tengku Amir Shah turut disertai pelayar dari luar negara. Pelayaran kali ini telah dibahagikan kepada beberapa kategori. Dalam pertandingan kali ini juga beberapa tempat persinggahan yang menarik telah dipilih antaranya Pulau Pangkor, Pulau Pinang dan juga Pulau Langkawi sebagai tempat penamat pertandingan pelayaran.

TLDM telah menghantar dua buah kapal layar dalam pertandingan kali ini iaitu Dondang Sayang dan Musytari. Berlandaskan prinsip 'Cabaran Bukan Halangan' pelayar TLDM telah menunjukkan kemampuannya dengan memenangi beberapa kategori yang dipertandingkan. Difahamkan, pada peringkat awal pertandingan terdapat masalah teknikal yang dialami oleh kapal Dondang Sayang tetapi berjaya diatasi sepenuhnya sewaktu berada di Pulau Pangkor.

Kemenangan yang dicapai oleh pelayar TLDM pada pertandingan ini amatlah membanggakan. Pelayar Dondang Sayang telah memenangi tempat ketiga bagi pelayaran dari Pelabuhan Klang-Lumut dan pertama bagi peringkat Lumut-Pulau Pinang. Kedua buah kapal layar TLDM muncul juara bagi peringkat Pulau Pinang-Langkawi.

Pasukan Dondang Sayang TLDM juga menjadi juara keseluruhan bagi kategori *Classic Class* dan anugerah Khas Juri bagi kategori *Inter Service Trophy* STN ATLAS. TLDM juga memenangi tempat kedua dalam pelayaran *Langkawi Day Passage*.

Pelayar kapal Musytari pula telah memenangi beberapa kategori pertandingan antaranya tempat pertama bagi pelayaran

Pelabuhan Klang-Lumut, Lumut-Pulau Pinang (Kedua), Pulau Pinang-Langkawi (Kedua) dan *Langkawi Day Passage* (Pertama).

Majlis penutup yang telah diadakan di Royal Langkawi Yacht Club dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Panglima Pendidikan dan Latihan, Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Mohd Rasip bin Hj Hassan, Pengerusi Persatuan Perahu Layar TLDM, Kdr Ismail bin Abdullah TLDM serta tetamu jemputan dan para pelayar. Majlis yang bersejarah itu telah




membuktikan kemampuan pelayar TLDM mengharungi cabaran di lautan sepanjang bulan Ramadan yang lalu.

Terpancar kegembiraan di wajah pelayar dengan kemenangan yang diperolehi walaupun keletihan masih belum reda. Diharapkan pada masa-masa akan datang pelayar TLDM tidak segan silu menyahut cabaran yang lebih besar demi mengharumkan nama baik Angkatan Tentera Malaysia ATM amnya dan TLDM khususnya. **S**



Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mohd Rasip bergambar kenangan bersama pelayar dan piala yang dimenangi

Woodlands



MELINTANG

1. Pangkalan TLDM yang akan dibina di Sarawak.
3. Bekas Pusat Latihan Rekrut TLDM di Singapura.
5. Satu Skwadron dengan KD JEBAT.
6. Masih baru dalam TLDM.

KE BAWAH

2. Lantai Kapal.
3. Markas Laut 1.
4. Bola hoki geladak.
5. Pangkalan TLDM utama dan terbesar.

**TIKET PENERBANGAN PERGI/BALIK
PERCUMA KE LANGKAWI MENANTI ANDA
DALAM KELUARAN AKAN DATANG. JANGAN
LEPASKAN PELUANG INI..!!**

BORANG PENYERTAAN

Nama:
Alamat:
No. Tel:

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Borang salinan diterima.
2. Terbuka kepada semua pembaca SAMUDERA kecuali sidang redaksi.
3. Terhad kepada SATU penyertaan setiap peserta.
4. TIGA pemenang utama akan menerima langganan percuma PERAJURIT selama 6 bulan.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Tarikh tutup penyertaan pada 16 Jun 2003.
7. Hantarkan penyertaan kepada:

Silangkata SAMUDERA
Cawangan Rancang dan Strategi
Markas Tentera Laut
Kementerian Pertahanan
50634 KUALA LUMPUR

**TAWARAN ISTIMEWA
KEPADA PEMBACA
SAMUDERA SAHAJA
Potongan sehingga
40 peratus***

PERAJURIT

INDUSTRI PERTAHANAN, KETENTERAAN, KESELAMATAN DAN TEKNOLOGI
DEFENCE INDUSTRY, MILITARY, SECURITY AND TECHNOLOGY

BACALAH PERAJURIT UNTUK MENGETAHUI
Maklumat Industri Pertahanan, Ketenteraan dan Teknologi.
Perajurit, terkenal di pasaran sejak 1993.

- ☐ Ya, saya ingin melanggan Perajurit
- ☐ Selama 12 bulan: RM 84.000 (Potongan 30 peratus. Harga Biasa RM120.00)
- ☐ Selama 24 bulan: RM 156.00 (Potongan 35 peratus. Harga Biasa RM 240.00)

Nama:
Alamat:
Poskod:
No. Kp Baru:
Pekerjaan:
No Telefon:

- ☐ Bersama-sama ini disertakan Cek/Money Order/Postal Order No:..... bernilai RM untuk langganan tersebut di atas termasuk belanja pos. Cek/Money Order/Postal Order hendaklah berpaling dan dibayar kepada: INAI DAMAI SDN BHD.
- ☐ Sila caj menerusi akaun Master Card/Visa. No Akaun:..... Tarikh tamat kad:.....

Tandatangan/Tandatangan Pemegang Kad

Tarikh:

* Tertakluk selagi simpanan masih ada.

** Borang asal dalam Samudera sahaja layak menerima tawaran ini.

INAI DAMAI SDN BHD 265092-D (Azan Media Group),
20.02 Tingkat 20, Menara MAA, No. 12, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur,
Tel: 03-21422452, 03-21455278. Faks: 03-21455297

Kita selalu berangan-angan. Berangan-angan hendak menjadi orang kaya, kalau kita orang miskin. Kita berangan-angan hendak jadi orang bijak, kalau kita orang jahil. Berangan-angan hendak menjadi orang ternama, kalau kita orang bawahan. Angan-angan ini sesuatu yang menjelma dari hati kita yang semua itu adalah keinginan manusia. Memang benar kita tidak nafikan kadang-kadang angan-angan kita terlalu besar sehingga melewati batas syariat. Kita berangan-angan sehingga terlupa kehidupan akhirat dan kewajipan agama.

Justeru orang yang berangan-angan besar atau panjang seperti ingin hidup lama atau seribu tahun lagi adalah tercela dalam agama Islam. Ini adalah sifat yang didorong oleh hati yang cinta kepada dunia. Hati yang pegangannya telah rapuh dengan persoalan iman dan amal soleh. Apabila hati yang sudah longgar dengan keimanan maka mudahlah hati yang kosong dan terisi pula dengan sifat mazmumah mendorong seorang itu berangan-angan panjang.

Perlulah diingatkan bahawa angan-angan berbeza dengan cita-cita sungguhpun dalam penggunaannya kadang-kadang ia bermaksud sama. Sebenarnya angan-angan lebih merupakan satu keinginan yang tidak kesampaian. Lain pula pengertian dan tujuan cita-cita kerana ia memungkinkan dan boleh dicapai atau dihasilkan.

Cita-cita pula ialah keinginan yang ada kemungkinannya boleh dicapai dan dihasilkan berserta dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Misalnya jika bercita-cita hendak menjadi orang yang pandai, maka seorang itu akan berusaha belajar bersungguh-sungguh. Orang yang bercita-cita menjadi seorang yang alim maka seorang itu akan berusaha dan mempelajarinya bersungguh-sungguh kerana setiap cita-cita itu ada jalan dan kemahuan. Namun tidak seperti orang yang berangan-angan yang hanya berkeinginan dan berkemahuan tetapi tiada daya usaha. Malah angan-angan itu sesuatu impian yang sukar untuk dicapai seperti ingin beristeri dengan anak raja, ingin hidup seribu tahun lagi dan seumpamanya.

Angan-angan panjang seperti ini tidak perlu kita miliki malah ajaran Islam menyifatkannya sebagai amalan yang dikeji. Sehubungan itu Rasulullah s.a.w telah mengingatkan kita dalam sebuah hadisnya yang bermaksud:

"Jikalau engkau berada di waktu pagi, maka janganlah menunggu-nunggu datangnya waktu petang (untuk mencari bekal kematian) dan jikalau engkau di waktu petang, maka jangan menunggu-nunggu datangnya waktu pagi (untuk itu pula). Ambillah kemanfaatan sewaktu hidupmu ini untuk bekal kematianmu dan sewaktu engkau masih sihat untuk bekal sakitmu".

Sabda Rasulullah s.a.w ini bukan saja memberi peringatan kepada Abdullah bin Umar tetapi juga kepada kita bahawa kematian itu boleh berlaku bila-bila masa sahaja. Sebab itu kita diingatkan, kalau kita masih hidup di waktu petang, jangan berangan-angan dapat hidup sampai keesokan paginya dan begitu jugalah sebaliknya.

Mengapa Rasulullah s.a.w memberi peringatan demikian? Ia disebabkan Rasulullah s.a.w tidak mahu umatnya sentiasa berangan-angan panjang. Keadaan ini menyebabkan kita mempunyai tanggungjawab dalam semua urusan hidup dan kewajipan terhadap perintah Allah SWT.

Apabila kita berangan-angan panjang, misalnya kita rasakan akan hidup 20 atau 30 tahun lagi menyebabkan kita lalai melakukan perintah Allah SWT. Sedangkan perintah wajib dari Allah SWT itu bukan mesti menunggu usia kita menjangkau 30 tahun baru hendak dilaksanakan.

Tetapi angan-angan kita panjang menyebabkan kita menangguk tanggungjawab itu. Inilah bahayanya orang yang berangan-angan panjang. Apakah kita sedar kematian akan datang dengan tiba-tiba? Mungkin sekejap lagi atau selepas kita membaca tulisan ini atau seumpamanya. Oleh itu tidak diberitahu bila hari kematian kita akan tiba, maka segerakanlah membuat kewajipan agama dan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. Itulah sebaik-baik penawar bagi penyakit orang yang suka berangan-angan panjang.

Boleh dikatakan ramai umat Islam mengidap penyakit angan-angan ini. Buktinya bila hari tua barulah hendak beramal dan bertaubat. Kita dapat lihat di masjid dan surau sama ada majlis ilmu atau sembahyang jemaah dipenuhi ramai orang-orang tua. Kerana mereka tahu ajal hampir sampai maka bersegera beramal. Tetapi ketika muda segala amal ditinggalkan dan diabaikan kerana angan-angannya panjang. Mereka merasakan hidup sampai ke tua. Hakikatnya ketika usia muda, tenaga masih kuat telah ramai menemui ajalnya. Mengapa ini tidak menjadi renungan kita bersama supaya

angan-angan panjang kita itu menjadi pendek.

Di dalam sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Sesungguhnya hal-hal yang paling aku takutkan mengenai kamu semua ialah dua perkara yakni mengikut hawa nafsu dan panjang angan-angan. Mengikut hawa nafsu itu dapat menutup dari kebenaran dan panjang angan-angan itu menyebabkan cinta kepada dunia".

Dari sabda Rasulullah s.a.w itu membayangkan kebimbangan baginda terhadap dua perkara yang akan berlaku kepada umatnya iaitu mengikut hawa nafsu dan panjang angan-angan. Mengikut hawa nafsu boleh menggalakkan seseorang itu daripada melakukan yang hak manakala orang yang panjang angan-angan akan menjadikan seseorang itu cinta kepada dunia.

Kita telah sedia maklum betapa azab yang akan menimpa apabila hati kita yang telah cenderung kepada dunia. Kita akan langgar syariat Allah SWT. Segala usaha dan amalan tidak lagi didasarkan kepada syariat tetapi logik semata-mata. Soalnya apa saja permata yang ada di dunia ini mahu saja dimiliki kerana angan-angannya terlalu panjang. Inilah yang membahayakan diri seseorang itu apabila dirinya telah mengidap penyakit ini.

Diberitahu kita beberapa sebab yang menyebabkan seseorang itu panjang angan-angannya. Di antaranya ialah:

- Terlalu cinta kepada kehidupan dunia yang sementara ini.
- Kejahilan diri yang tidak menyangka bahawa kematian itu boleh datang bila-bila masa sahaja.
- Tidak membuat perbandingan antara kehidupan akhirat dan dunia.

Apabila kita tidak menyedari perkara yang menyebabkan kita panjang angan-angan maka penawarnya kita hendaklah selalu mengingati bilakah hari kematian kita. Bila ingatan kita kepada hal itu, maka hilang kelazatan untuk mencintai dunia apatah lagi berangan-angan panjang untuk hidup lebih lama di dunia ini. Sebab itu soal kematian yang selalu diucapkan dan diceritakan kepada kita sebenarnya adalah faedah untuk kita terutama kepada yang suka berfikir tentang masa depan yang panjang.

Dengan jalan demikian kita akan terhindar dari sifat yang tercela itu dan wujudlah dalam diri kita suatu kesedaran untuk beramal, berjuang dan berkorban pada ketika ajal belum datang menjemput. **S**

- Petikan dari buku "Penawar Bagi Hati", oleh Abdul Aziz Ismail.

Berangan Panjang Boleh Menjadi Perbuatan Tercela

Sekilas ikan di air... Tok Cik

LARIAN AMAL DI PANGKALAN

Dah lama Tok Cik terpanggil untuk menyuarakan rasa hati Tok Cik mengenai perkara ni. Di tempat-tempat lain orang berebut-rebut nak anjurkan larian amal. Ada yang benar-benar nak beramal tetapi tak kurang juga yang nak publisiti. Tak kisahlah tu yang penting ada berita di surat khabar. Tapi di tempat Tok Cik sendiri yang aman damai ni tak ada pulak markas yang nak uruskan larian amal sebegini. Bukan apa, Tok Cik nak tumpang gembira kalau semua warga mengambil bahagian dalam acara ini dapatlah sedikit sebanyak memupukkan keserasian dan menyihatkan mereka.

Pada Tok Ciklah yang dah Maghrib ni percaya satu benda, kalau semua orang boleh bersukan bersama-sama dah tentulah mereka boleh bekerja bersama. Nak grand lagi kita libatkan keluarga, anak-anak dan pesara-pesara dan dibuka kepada semua orang di daerah Manjung. Wow...memang hebat. .. nak pulak dibuat pada acara minggu perayaan hari TLDM, barulah orang kampung tahu TLDM menyambut harijadinya dengan meriah. Dapat sekali dua kita buat dalam setahun dan diteruskan setiap tahun barulah ngam... kata bebudak muda sekarang ni.

Tok Cik: *Nak TLDM buka mata dunia*

SEL KEBAJIKAN DI PERUMAHAN LUMUT

Tok Cik amat lapang dada sekarang ni kerana perumahan Blok A sudah pun bertukar wajah atau bersalin kulit. Dari bangunan 10 tingkat yang hambar, dewasa ini dengan terpasangnya bumbung (kecuali bangunan yang retak) berwarna biru dan merah tampak lebih menyerlah. Kawan-kawan Tok Cik pun ramai yang memuji dengan kosmetik baru ni. Tok Cik pun turut menumpang bangga kerana pemerintah amat sensitif kepada suara warga TLDM. Pun begitu malam minggu yang lalu ketika Tok Cik melihat pada bangunan blok-blok tersebut, Tok Cik rasa ada benda yang lebih penting yang perlu difikirkan iaitu aspek kebajikan kepada kaum keluarga yang ditinggalkan semasa suami dan bapa mereka belayar di laut.

Tok Cik cuma nak menyarankan agar satu sel kebajikan disediakan di tiap-tiap blok untuk memberi bantuan nasihat, mendengar masalah keluarga, membantu dari segi kewangan dan menguruskan perjalanan bagi mereka yang ditimpa musibah. Kita ada pejabat kebajikan di KD MALAYA tetapi terlalu jauh untuk ahli keluarga yang suami mereka belayar untuk mengadu masalah dan mengemis simpati.

Bagi keluarga yang ditinggalkan ini di mana mereka akan mengadu jika terputus sumber rezeki? Urusan balik kampung apabila ada hal-hal penting seperti kematian? Siapa nak bawa ke Hospital Angkatan Tentera (HAT) di malam buta? Bagi isteri yang pandai memandu tentulah tidak timbul masalah. Mungkin Tok Cik fikir mereka yang bertanggungjawab pada sel ini perlu mengatur awasan mereka sendiri. Lebih baik lagi kalau ada satu bentuk tabung kewangan bagi membantu mereka walaupun angkanya tidak banyak, sekurang-kurangnya kita dilihat prihatin kepada waris anggota yang belayar. Kalau dikira hutang atau pinjam, si suami boleh diminta membayarnya semula. Yang pentingnya kita peka dan keluarga mereka bahagia.

Tok Cik: *Sepakat membawa berkat*

BADAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN PANGKALAN

Di pangkalan yang serba indah dan canggih ni, Tok Cik lihat kita masih lagi belum mempunyai satu badan kesenian dan kebudayaan. Dahulu kala Tok Cik masih ingat di awal 80-an, Badan Kesenian dan Kebudayaan Pangkalan TLDM Lumut sangat aktif dan terkenal. Sekarang ni dah malap terus. Kalau ada satu badan kesenian dan kebudayaan di pangkalan ini, Tok Cik rasa sangat baik dan mengagumkan. Ada aja orang-orang kenamaan datang, kita pertontonkan kebudayaan Malaysia seperti tarian tradisional misalnya. Tak perlulah banyak acara untuk ditunjukkan, cukuplah 2 atau 3 tarian dengan pakaian tradisional yang bergemerlapan, tentu tetamu kita terhibur.

Kita ada ramai pengunjung yang datang sama ada dari luar negara mahupun dalam negeri sendiri. Markas formasi tertentu bolehlah mengambil inisiatif dengan memulakan langkah menghidupkan semula aktiviti ini. Mula-mula kita adakan tarian, kemudian dikir barat, boria dan banyak lagi. Lama-lama nanti badan ini akan terus berkembang. Tengok macam Markas Armada, mereka ada kumpulan koir yang telah terkenal sekarang ni, dulu mereka menyanyi lagu patriotik tetapi sekarang boleh menyanyi lagu joget seperti "Joget FOC" dan siap bertandak sekali atas pentas. Cukup menghiburkan!

Tok Cik: *Ayuh kita makmurkan Dewan Sidek dengan pertunjukan kebudayaan*

Sebab Nila Setitik...

Dia bengang. Cukup bengang. Masuk kali ini sudah hampir 40 kali dia dimarahi bos. Di dalam hati sudah berbuku. Kenapa dia sahaja yang menjadi sasaran? Kenapa tidak Sarip yang selalu datang selepas pukul 0830? Kenapa bukan Pian yang selalu hilang sebelum jam 1600? Kenapa? Kenapa? Beberapa kali dia menggerutu dan menyesali nasibnya.

"Ikutkan hati aku draf aje tempat lain. Tapi sayang pulak kerja ni. Kalau boleh biarlah hidup dan mati aku kat sini." Ewah, macam bagus je.

Hani memang seorang pekerja yang bagus. Serba-serbi dia tahu. Walaupun di Cawangan Kelasi, namun kerja-kerja perkeranian dan selok-belok urusan pejabat cukup cekap diuruskannya. Pendek kata, Hani memang boleh diharap.

Walaupun sudah berkeluarga, namun itu tidak menghalang Hani untuk bekerja keras siang dan malam. Tugas baginya adalah satu tanggungjawab yang mesti diutamakan. Lebih-lebih lagi di jabatan tempat dia bertugas sekarang yang menuntutnya berkorban masa dan tenaga. Tidak hairanlah kalau dia sering dilihat pulang lewat petang, kadangkala mencecah ke senja dan sesekali lewat malam.

Hani periang. Dia juga peramah. Namun dalam keceriaan wajahnya tiada siapa dapat membaca gejolak rasa yang menghimpit perasaannya. Dia pemendam, bukan pendendam. Mungkin sebab itu tiada seorang pun yang tahu bilakah perempuan cekal ini dirundung masalah.

"Sarip tak datang lagi?" Tiba-tiba suara itu menjengah cuping telinganya.

"Err...err...belum," apa lagi yang hendak dikelentongnya setelah saban bulan perkara itu cuba disembunyi-semunyikan. Bukan apa. Malas hendak dengar bos bisin-bising.

"Amboi!...Pukul berapa dah ni? Ingat ni kilang kicap ke nak datang sesuka hati?" Ahhh...dia buat dah. Ini yang paling Hani menyampah. Prot..prêt..prot..prêt. Tak pasal-pasal aku yang kena. Gerutu Hani dalam hati. Ah...lantaklah!

"Kan saya dah beritau banyak kali. Kamu tu *special duty*. Datang biarlah awal. Balik pulak jangan ikut *time* Mak Bedah tukang sapu tu. Depa tu kerja sekerat hari. Jangan sampai saya *detail duty* pulak nanti." Aduiii...senak sekejap tali perut Hani dibuat dek orang tua tu. Alahh...dia pun selalu datang lambat. Kekadang hilang terus.

Macamana si tikus tak naik tocang kalau dah kucing pun dua kali lima?

Hani tunduk. Diam tak bersuara. Angkat muka bermakna bos akan buka mulut lagi. Biar dia jadi bodoh sekejap, tak apa. Daripada dia jadi bodoh kena marah atas kesalahan orang lain, dia dah tak sanggup.

"Kan saya dah beritau banyak kali. Kamu tu *special duty*. Datang biarlah awal. Balik pulak jangan ikut *time* Mak Bedah tukang sapu tu. Depa tu kerja sekerat hari. Jangan sampai saya *detail duty* pulak nanti."



Oleh: PR FOC RMN

Yang dia hairan, kenapa di depan dia, bos rajin betul menasihati itu ini. Bos suka ungkit-ungkit kisah Mak Bedah yang tak ada kena-mengena langsung dalam urusan penting tu dan yang paling dia pelik, kenapa bila belalang kunyit dua orang tu ada di depan mata, sikit pun dia tak tanya, kenapa lewat? Kenapa tak datang pagi tadi? Kenapa balik awal semalam? Kenapa? Kenapa? Kenapa dia tak tanya ha?...Hani hanya berbicara dengan diri sendiri. Tak berani dia bersuara lebih-lebih.

Biarlah. Apa pun, dia tetap macam biasa.

Menguruskan kerja-kerja di pejabat bersendirian lebih menyeronokkan daripada ramai-ramai yang hanya tahu bersembang kosong tanpa melakukan apa-apa. Tapi adakalanya dia pening juga. Maklumlah. Kerja di situ sememangnya berurusan dengan orang ramai.

Biasalah. Tentu banyak kerenahnya. Kalau dia seorang yang menguruskan, tak menang tangan dibuatnya. Tambahan pula yang datang tu bukan

kecil-kecil anak dan Hani paling pantang kalau menangguk-nangguk kerja. Cukup menyusahkan! Namun, berbakalkan budi bicara yang sedia terlatih dalam diri, Hani bersyukur. Semua urusan dapat diselesaikan dengan senang hati walaupun dalam banyak perkara dia lebih suka bertegas. Bukan apa, kalau dia terlalu berlembut atau tidak membuat kerja dengan sistematik, dia juga yang susah nanti.

Hani banyak termenung kali ini. Berteleku di dalam tandas yang cukup indah itu begitu menenteramkan hatinya daripada membenamkan diri di celah-celah hiruk-pikuk pejabat yang tak mendatangkan hasil. Biasalah kalau si makhluk alam tu dah datang. Pejabat akan jadi tak ubah seperti pasar malam yang menawar itu ini. Bisin. Tak tenteram dibuatnya. Sesak dada!

Kak Nab satu hal. Bab kerja cukup berkira. Malasnya bukan main. Dari pagi sampai ke petang, kerjanya kalau tak membuat kunjungan hormat ke pejabat orang lain, sikap ter'over' peramahannya tu pasti merencanakan lagi suasana 'mesra alam' di pejabat itu. Walaupun tugasnya di situ hanya sebagai seorang jurutaip, namun Kak Nab cukup popular dan berkaliber dalam membincangkan perihal isu-isu dunia lebih-lebih lagi aspek ekonomi. Memang dia serba tahu. Maklumlah, internet bergerak. Tapi kalau bab kerja, bos selalu geleng kepala dan yang selalu menjadi mangsa selepas itu tentulah Hani. Kesian Hani.

Mana tidaknya. Lain yang disuruh, lain yang dibuat. Pulak tu, bila disuruh taip semula, mulalah muncung panjang sedepa. Boleh ikat dengan tali kasut. Mulut pulak ngok..ngok..ngok..ngok, dikatanya kesalahan itu kecil sahaja, orang tak perasan. Kak Nab ni satu je yang Hani puji. Bab menguruskan rumahtangga cukup pandai, sampai ke pejabat pun urusan rumahtangganya tak pernah selesai. Contohnya kerja-kerja menjahit dan mengait. Bos pun tak sampai hati nak kata apa kalau tengok dia tengah tekun. Tak boleh kacau, nanti melenting. Nak tak nak, Hani juga yang menjadi mangsa untuk menyiapkan kerja bos. Kesian lagi Hani.

Itu satu. Kalau *time* datang pepagi, Kak Nab memang bagus. Mungkin sistem 'tuliskan buku' untuk mencatat kedatangan yang buat dia betul-betul berdisiplin. Tapi bila jarum jam baru mencecah angka 1600H, mulalah dia gelabah beruk. Tak senang duduk Hani tengok.

Lepas tu, diam tak diam tiba-tiba ghaib!..Cekap betul dia.

Seingat Hani, kerja yang bos beri sebentar tadi sudah beres. Maknanya dia masih ada masa untuk bermenung lagi sambil merehatkan mindanya yang baru berhempas pulas sebentar tadi. Sambil membetulkan sila duduknya di atas batu sinki itu, Hani berfikir lagi.

Persoalannya, sampai bila perkara ini harus dibiarkan? Khabarnya di mana-mana perkara seumpama ini sering berlaku malah semakin tenat. Orang di sekeliling sudah tidak menghiraukan tanggungjawab yang diamanahkan negara. Ini di masa aman, bolehlah menyelit-nyelit. Kalau Tuhan ingin menguji kita dengan sesuatu musibah, ke mana agaknya orang-orang pengecut ini hendak sembunyikan kepala.

Hairan lagi. Kenapa di awal kemasukan dulu tidak fikir panjang-panjang? Minat konon. Sanggup mati di hujung senapang. Ceh! Gila. Sekarang ini masing-masing mengambil kesempatan dengan keadaan negara yang aman damai ini untuk bersenang-lenang dan tak mahu merasa susah sedikitpun. Hairan! Bila kerajaan mengumumkan bonus satu bulan gaji, tu dia...lagi tiga minggu nak hujung bulan dah berderet *list* barang yang hendak dibeli. Kemaruk masing-masing nak terima gaji yang tak berbaloi langsung dengan keringat yang dicurahkan hari-hari.

Panjang fikiran Hani menerawang memikirkan masalah yang ada di sekelilingnya. Bukan dia mahu menjadi *busy body*, tapi dia cukup tersinggung bila ada si celupar yang cuba menggoncang imannya dengan kata-kata, "Alah...buat apa kerja teruk-teruk. Bukan boleh jadi kaya. Gaji banyak tu juga." Hani cuma senyum kambing. Heh! Pandai la korang. Sedap je ayat. Kalau kerajaan guna sistem *punch card*, baru korang tau!

Kadang-kadang Hani terfikir juga, mungkin rungutan gaji tak cukup atau gaji yang hanya cukup-cukup makan ada kaitan dengan apa yang dilakukan sehari-hari. Keikhlasan bekerja atau kerelaan diri melakukan tugas tanpa mementingkan diri sendiri berkait rapat dengan pulangan yang diterima sebagai imbuhan.

Hani kembali ke pejabat membawa persoalan demi persoalan yang belum terjawab. Tiba-tiba suasana jadi sepi. Apahal pulak ni?...Semua mata tertumpu ke arahnya yang sentiasa selamba.

"Allo kawan...apasal tengok aku macam tu? Aku hilang sekejap je korang dah menggelabah. Apasal ni?" Panik Hani dibuat dek budak belalang tu. Ni mesti ada *something wrong* ni.

"Pian kena cekup dek PROTELA," baru Hani perasan si Pian tidak ada di situ.

"Bila? Tadi kan dia ada?" Hani tak sabar ingin tahu duduk perkara sebenar.

"Baru kejap tadi. Malam semalam dia tarik ganja. Masa serbu dia sempit celah. Dua orang dapat tangkap. Lubang pecah, pagi ni kena *follow*lah," beriya-iya benar si Sarip bercerita. Terjongket-jongket hidung.

"Bos dah tau?" Hani menarik nafas panjang.

"Dah. Bos rileks je aku tengok." Sarip pura-pura tenang walaupun lututnya nampak menggeletar.

"Yang kau ni menggeletar apa hal?" Hani pelik melihat Sarip yang tidak tentu arah.

"Tutt...Tutt.." Tiba-tiba bunyi telefon di meja Hani memecah hening tengahari itu.

"Selamat petang, LK 1 Hani bercakap....boleh saya bantu tuan?"

"Selamat petang. Saya Chief Bakar dari pejabat CO nak beritahu,

mulai esok semua staf dan pegawai pejabat kamu dikehendaki berbaris 10 minit sebelum 0800H setiap hari. Kegagalan berbuat demikian, tindakan tatatertib akan diambil!" Tup! Bala apa pulak ni?

"Memandangkan ada di kalangan kamu yang selalu datang lewat dan terlibat dengan aktiviti yang tak bermoral, keistimewaan kamu semua ditarik balik. Kamu akan dibahagikan kepada awasan masing-masing dan dikehendaki bertugas mengikut awasan yang telah ditetapkan."

Esoknya di suatu pagi yang suam-suam, CO berceloteh di *Both Watches*. Tebal muka Hani bila CO asyik sebut pasal benda semalam. Bebudak lain asyik jeling-jeling macam Hani pulak yang buat salah. Tiba-tiba CO menghampiri barisan Hani.

"Memandangkan ada di kalangan kamu yang selalu datang lewat dan terlibat dengan aktiviti yang tak bermoral, keistimewaan kamu semua ditarik balik. Kamu akan dibahagikan kepada awasan masing-masing dan dikehendaki bertugas mengikut awasan yang telah ditetapkan."

Heh! Padan muka aku...Muka Hani masam kelat. Lembu punya susu sapi dapat nama! Heh.. heh.. apa la.. sebab nila setitik, rosak susu sebelanga.

CO sambung lagi. "Saya malu. Sebuah organisasi yang disegani mempunyai anggota yang berperangai macam ni. Betul-betul memalukan! Tapi saya percaya. Bukan kes ini sahaja yang cuba merosakkan reputasi jabatan ini. Ada beberapa aktiviti yang kurang sihat mula membiak di kalangan kamu. Cuma belum tertangkap. Jadi, nasihat saya, hentikanlah! Sedar siapa diri kamu! Jangan nanti bila dah tertangkap, mula nak telefon sana-sini, pasang kabel merayu-rayu minta tolong. Tak guna.

"Kita ni dah jauh menyimpang dari amalan TLDM yang dipupuk sejak dulu. Apa yang saya perhatikan ada di kalangan kamu yang tidak menitikberatkan perihai kekemasan diri, berambut panjang, tak bercukur, pakaian pulak nampak kelabu asap. Berserabut. Cuba kamu cerminkan diri kamu pagi-pagi sebelum datang kerja. Apa yang kamu nampak?"

".....Kasut usah ceritalah. Mengalahkan kerbau masuk sawah. Saya percaya, kamu hanya mengilatkan kasut kamu kalau terlibat dengan perbarisan. Maknanya dalam setahun, cuma tiga kali aje kamu bermesra dengan kasut kamu. Apalah salahnya kalau kamu praktikkan budaya rekrut satu masa dulu atau kamu nak saya buat kamu macam rekrut? Pandai-pandailah bawa diri. Ingat. Kita dalam tentera. Bukan kerja kilang atau pejabat pos. Cuba berdisiplin sikit."

Semua yang ada pada pagi itu diam tak bersuara. Cuma anggukan kepala masing-masing mengiakan kata-kata CO...Entahlah...insafnya mungkin sehari dua aje kot.

Di pejabat, Sarip masih macam semalam. Terketar-ketar. Dia bukan sakit, tapi... "Betul kata CO. Aku yang tak sedar diri. Dah senang lagi nak senang. Aku banyak buat salah. Aku memang banyak buat salah....aku nak berubah..." Sarip seolah-olah menyesali sikapnya selama ini. Cahaya keinsafan jelas terpancar di wajahnya yang kelakar. Hani senyum. Gembira.

"Marilah Rip. Kita sama-sama betulkan kesilapan lalu. Aku sedia membantu kau bila-bila sahaja kau perlukan aku. Janji, kau tak belit lagi!...Kah..kah..kah... S

Penyelaku Anjungan, **Simulator** Pengendalian Kapal TLDM

Oleh: LK I TLS Rizan Shafie

Segalah nama Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD), tidak hairanlah jika penekanan telah diberi dalam pembinaan infrastruktur baru bagi anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menjalani latihan sejajar dengan kehendak perkhidmatan dan kemodenan peralatan peperangan masa kini. TLDM yang sememangnya menitikberatkan pengetahuan anggotanya telah membina satu lagi kemudahan yang boleh dianggapkan sebagai satu keperluan bagi memantapkan lagi pengetahuan anggota serta kemampuan latihan setaraf dengan negara-negara maju.

Dikenali dengan nama Penyelaku Anjungan atau *Bridge Simulator*, kemudahan itu dibina oleh TLDM bagi kemudahan pembelajaran para anggotanya terutama mereka yang menjalani latihan di KTLD. Ia merupakan pendedahan awal bagi merealisasikan impian anggota sebelum ditugaskan di kapal-kapal yang mana setiap anggota memerlukan daya tahan mental dan fizikal yang tinggi untuk mengharungi samudera gagah.

Projek pembinaan Penyelaku Anjungan yang bermula pada 22 Januari 2001 oleh Syarikat PSC-STN-ATLAS Elektronik (M) Sdn Bhd, siap sepenuhnya pada 6 Januari 2002. Manakala sistem pengendalian operasi telah siap dipasang pada 24 Oktober 2002 berupaya memberi pendedahan awal kepada anggota TLDM terhadap cara-cara mengendalikan kapal dalam pelbagai keadaan cuaca. Bangunan yang mengandungi kemudahan bilik kuliah, bilik rehat serta surau ini mampu menampung antara 30 hingga 40 orang pelatih dalam satu-satu masa, telah diserahkan kepada KTLD pada 30 Oktober 2002. Bangunan yang bakal dirasmikan pada 27 April 2003 ini, pastinya akan menjana minda dan pandangan masyarakat



TEKUN... Ketua Sekolah Navigasi, memerhatikan 'anak buah' menjalani latihan



Seperti benar-benar belayar!

tentang kemodenan teknologi serta dapat menarik minat masyarakat untuk menyertai TLDM khususnya dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya.

Pelatih yang menjalani latihan di sini akan didedahkan tentang tugas yang akan mereka lalui sepanjang perkhidmatan mereka di kapal kelak. Dengan adanya *Bridge Simulator* ini, KTLD akan melahirkan warga yang berketrampilan serta berkebolehan dalam mempertingkatkan lagi pengetahuan tentang panduarah kapal pada masa-masa akan datang.

Menurut Pegawai Jurulatih II, Lt Muhamad Nazer bin Abdullah TLDM, sistem Penyelaku Anjungan terdiri daripada satu Anjungan Utama, satu Anjungan Sekunder, dua Stesen Jurulatih dan empat Bilik Operasi untuk Panduarah Gelap. Selain dari itu, terdapat juga model kapal di dalam sistem yang terdiri dari Kelas LST, Frigate 2000, MCMV, OPV, korvet, FAC (M) serta FAC (G). Selain itu,

pelatih juga didedahkan dengan laluan dan pelabuhan seperti Pulau Langkawi, Pulau Pinang, Lumut, Pelabuhan Klang, Beting Sedepa ke Pelabuhan Singapura, Tanjung Pengelih ke Pulau Batu Putih, Pulau Tioman, Pelabuhan Kuching, Pelabuhan Sandakan serta terusan Malawali.

Secara keseluruhan konsep dan jenis latihan yang dapat dikendalikan adalah seperti latihan *Bridge Resource Management*, *Harbour Pilotage*, latihan 'OOW', Kuartermaster, Radar Plotter (RDP), latihan Pengendalian Kapal (*Ship Handling*) serta Pengurusan Krisis. Sehingga kini, Penyelaku Anjungan telah berjaya melaksanakan latihan bagi kursus Intermediate 'N', Lt Muda dari Fakulti Pegawai, Tim Anjungan kapal - kapal TLDM, serta pelatih dari cawangan RDP dan Peperangan Paras Permukaan (PPP). **S**




www.baesystems.com



Partnership in **Action**

BAE SYSTEMS



THE BEST WAY TO MANAGE A SUPPLY CHAIN IS TO KNOW THE DEMAND CHAIN.

Like in other industries, the supply chain within the Aerospace & Defense industry is built around demand too. And because demand can go from overwhelming to underwhelming in a matter of minutes, it can wreak havoc and dramatically slow down operations. The mySAP Supply Chain Management solution integrates seamlessly into your everyday processes, and handles the hazards of supply and demand with ease. It organizes and manages logistics, deployment and other supply chain related factors to help you anticipate market changes and fill orders faster. It also allows for high visibility, so vendors and suppliers can work together efficiently; making it the only collaborative SCM solution that can turn a supply chain into a profit center. For more information, head to www.sap.com

THE BEST-RUN BUSINESSES RUN SAP



SAP Malaysia Sdn Bhd (236985P) 12th Floor, Menara Tan & Tan, 207,
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2161 0233 Fax: 03-2163 2688 www.sap.com